

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْحِ الْمَنَارِ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2023

FAKULTI PENDIDIKAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

KETUA PTJ :

SHARIPAH RUZAINA BINTI SYED ARIS

KETUA UNIT KUALITI :

NURUL AKMAL BIN MD NASIR

PENYELARAS :

SYAHREENA BINTI MOHD SHAHROM

PENULIS :

1. RAIHA SHAHANAZ BINTI REDZUAN
2. MUNIRAH BINTI MOHD IZAM
3. ZURAIMI BINTI ZAKARIA
4. SITI ZURAIDA BINTI MAARUF
5. MUHAMAD FURKAN BIN MAT SALLEH
6. FAZYUDI BIN AHMAD NADZRI
7. SHIREENA BASREE BINTI ABDUL RAHMAN

8. NURSHAMSHIDA BINTI MD SHAMSUDIN
9. NUR SHAKILA IZZATI BINTI RUSLI
10. MOHD KHAIREZAN BIN RAHMAT
11. HAMIMAH BINTI HASHIM
12. CHEONG TAU HAN
13. CHEONG TAU HAN
14. SHARIFAH MUZLIA BINTI SYED MUSTAFA
15. SYAHREENA BINTI MOHD SHAHROM
16. SYAHREENA BINTI MOHD SHAHROM
17. NURUL AKMAL BIN MD NASIR
18. NURUL AKMAL BIN MD NASIR

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan yang cekap, berintegriti dan berwawasan adalah satu tunjang kejayaan sesebuah organisasi. Berpegang kepada visi dan misi serta tagline EDU Pursuing Excellence, kepimpinan Fakulti diterajui oleh Profesor Madya Dr. Sharipah Ruzaina Syed Aris sebagai Dekan yang mentadbir fakulti, di bantu oleh bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA), Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) dan Hal Ehwal Pelajar (HEP). Prinsip teras fakulti menekankan keseimbangan modal insan dalam cabaran pendidikan era digital. Oleh itu, pihak pengurusan sentiasa membuat perancangan pembangunan dan pembudayaan pengajaran dan pembelajaran yang selari dengan dasar perancangan strategik Fakulti, UiTM dan dasar-dasar Kementerian Pendidikan Malaysia bagi dapat melahirkan graduan Pendidikan yang proaktif dan berwawasan. Bagi memastikan Fakulti Pendidikan terus maju ke hadapan sebagai pusat rujukan **pembelajaran dan pembelajaran (PdPc)** di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam pelbagai bidang pendidikan, pengurusan tertinggi fakulti telah merangka **tiga (3) inisiatif projek utama** yang dikenali sebagai **EduSTRIKE, EduRICH dan EduWHIZ**. Bagi menjayakan tiga (3) inisiatif projek utama yang telah dirangka oleh pengurusan tertinggi fakulti, pejabat dekan dibantu oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP), Koordinator, Ketua Unit, Penyelaras dan Penolong Pendaftar telah dapat melaksanakan pelbagai aktiviti yang bersifat menyeluruh melibatkan semua bidang kepakaran warga fakulti yang terdiri daripada staf akademik, pentadbiran serta mahasiswa Fakulti Pendidikan. Kesemua warga memainkan peranan sebagai pelaksana dan semak imbang (check and balance) bagi memantau perjalanan kesemua inisiatif projek yang dilaksanakan berjalan dengan baik. Akhirnya, kesemua inisiatif dapat dilaksanakan seperti yang dirancang. Pihak pengurusan sentiasa membuka peluang kepada kesemua warga Fakulti bagi memberikan cadangan sebagai penambahbaikan bagi pemantapan segala inisiatif projek Fakulti dari masa ke semasa. Seiring dengan penekanan refleksi yang sentiasa ditekan oleh pihak Fakulti kepada kesemua warga sama ada staf mahu pun pelajar, setiap inisiatif akan dinilai dan berusaha ditambah baik bagi pelaksanaan pada masa akan datang. Walaupun warga Fakulti ini merangkumi pelbagai bidang, namun begitu pihak pengurusan Fakulti sentiasa melibatkan semua bidang kepakaran warga fakulti yang terdiri daripada staf akademik, pentadbiran serta mahasiswa Fakulti Pendidikan.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendidikan di abad ke-21 ini di revolusikan bersama teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan lonjakan **industri teknologi digital IR4.0** serta **Education 5.0**. Tiga (3) inisiatif projek utama iaitu **EduSTRIKE**, **EduRICH** dan **EduWHIZ** yang telah diilhamkan oleh pengurusan tertinggi fakulti untuk menterjemahkan aspirasi tersebut. Bagi menyahut cabaran revolusi pendidikan ini, Kepimpinan Fakulti Pendidikan mengambil aspirasi pragmatik dimana model diaspirasikan melalui **teori pembelajaran pengalaman KOLB (*Experiential Learning*)** dan **model A.D.A.B UiTM** yang dijalinan bersama bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran. (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1**). Berdasarkan hala tuju dalam perancangan strategik 2021/2022, pendekatan ini telah dizahirkan dengan pencapaian berikut:

IES 2022

Objektif program dalam **INISIATIF 1 EduRICH** adalah memperkayakan pengalaman pembelajaran pemimpin pelajar universiti antarabangsa dengan memberi pendedahan dalam aspek budaya serantau, sistem pendidikan, dan aspek ekologi dan menggalakkan penglibatan aktif peserta dalam perbincangan peringkat antarabangsa dan kolaborasi dalam pelbagai aspek. ***International Education Symposium 2022 (IES 2022)*** dapat menerapkan elemen pemikiran global dalam diri peserta ke arah kemajuan kerjaya dalam pelbagai bidang sekaligus memupuk kemahiran kepimpinan dalam kalangan pemimpin pelajar universiti negara Asean dalam membincangkan isu-isu global termasuk SDG2030. (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2**). Pada akhir program, pihak organisasi telah mendapatkan maklum balas dari semua peserta bagi tujuan penambahbaikan.

iVEDIIC 2022

Berdasarkan kepada trend peningkatan jumlah penyertaan dalam pertandingan ***International Virtual Educational Design, Invention, and Innovation Competition 2022 (iVEDIIC 2022)*** yang dianjurkan oleh Fakulti Pendidikan, penganjuran pertandingan inovasi pada tahun ini diteruskan dengan menggunakan pendekatan dalam talian secara keseluruhan (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3**). Pertandingan ini, merupakan platform utama kepada para peserta daripada institusi, industri dan organisasi untuk bersaing, berkongsi input serta menjana idea dalam merealisasikan inovasi baharu. Inovasi yang kreatif, dinamik dan relevan adalah kunci kepada peningkatan kualiti pendidikan yang melibatkan tiga teras utama iaitu inovasi dalam penyampaian (*delivery and pedagogy*), inovasi dalam kandungan (*content- knowledge and skills*) dan inovasi dalam pentaksiran (*assessment and evaluation*).

artSMart

Kepesatan dunia teknologi digital dan situasi cabaran semasa telah mempengaruhi landskap pendidikan tanah air serta kehidupan masyarakat. Berdasarkan perubahan tersebut, proses pembelajaran dan pengajaran semasa perlu di pelbagaikan bagi memastikan keberkesanan serta penerimaannya oleh semua pihak. Melalui keperluan tersebut, projek **EduRICH artSMart siri 7** dengan tema '*Smart City, Smart Community*' telah dilaksanakan dalam usaha memperkasakan sinergi di antara universiti, industri, agensi, dan komuniti. Projek ini telah mendapat kerjasama yang baik daripada rakan kolaborasi projek seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Pejabat Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pertubuhan Kebajikan Komuniti Cheras (PKKC), Pocket Production Sdn. Bhd., Persatuan Penduduk Flat Sri Melaka, Cheras, Kuala Lumpur dan beberapa agensi, industri, dan pertubuhan bukan kerajaan lain yang berkaitan. Ianya telah dilaksanakan dalam tiga fasa utama yang telah digerakkan sejak 1 Ogos 2022 sehingga 3 Februari 2023 yang lalu. Penggerak projek ini telah mendalami dan memahami cabaran semasa yang dihadapi oleh komuniti golongan B40 di Flat Seri Melaka, Cheras, Kuala Lumpur, dan memfokuskan kepada penyelesaian permasalahan yang dihadapi menerusi pendidikan berkualiti dan pembentukan minda komuniti yang pintar, kreatif dan inovatif. (**Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 4**).

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_K01_KB02_20231_EDU_1.2_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_K01_KB02_20232_EDU_1.2_BUKTI_2.pdf](#)
3. [F0034_K01_KB02_20233_EDU_1.2_BUKTI_3.pdf](#)
4. [F0034_K01_KB02_20234_EDU_1.2_BUKTI_4.pdf](#)
- 5.

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pemantauan kepemimpinan oleh Dekan, dilakukan melalui mesyuarat MPE (Mesyuarat Pengurusan Eksekutif) dan MKSP (Mesyuarat Khas Setiap Program) di mana pencapaian dan penambahbaikan Fakulti menjadi fokus utama. Tiga projek inisiatif yang diperjuangkan oleh kepimpinan Fakulti Pendidikan pada tahun 2022 adalah *International Education Symposium* (IES 2022), iVEDIIC, dan Art Smart. Ketiga-tiga inisiatif program ini mencakupi jaringan pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pelajar, alumni, komuniti, dan aktiviti kesukarelawan.

IES 2022

Berlandaskan inisiatif **EduRICH, IES 2022** adalah program yang dianjurkan oleh kepimpinan pelajar Fakulti Pendidikan (UiTM). Program ini bertujuan untuk berkongsi ilmu pengajaran dan pembelajaran kepada bakal graduan di peringkat nasional dan global. Program tersebut dibawah bimbingan dan panduan oleh pensyarah penasihat dari Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) Fakulti Pendidikan

Kerjasama strategik dalam penganjuran IES 2022 melibatkan University of the Immaculate Conception (UIC), Filipina. Bertemakan "Teacher's Excellence: Leading in Crisis and Transforming the Future through Values Embodiment" ianya telah berlangsung pada 21 dan 22 Oktober 2022. IES 2022 telah berjaya memberi pendedahan terhadap perspektif global dalam pendidikan, sambil mengasah kemahiran kepimpinan para pelajar. Ianya juga bertujuan untuk memperkayakan pemahaman latar belakang dan budaya peserta dari pelbagai negara.

Simposium ini telah berjaya menarik pemimpin mahasiswa dari 10 negara Asia Tenggara, termasuk Brunei, Cambodia, Indonesia, Myanmar, Pakistan, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam, dan Malaysia. IES 2022 dijalankan melalui Platform Zoom dan distrimkan secara langsung melalui YouTube (**Rujuk BUKTI 1 Gambarajah 5 dan BUKTI 1 Gambarajah 6**).

iVEDIIC 2022

Di bawah inisiatif **2 EduWHIZ**, satu pertandingan inovasi dalam pendidikan **iVEDIIC 2022** secara maya telah diadakan. Pertandingan ini berjaya mendapat sambutan dengan penglibatan yang sangat memberangsangkan daripada para pelajar sekolah, mahasiswa serta, golongan pendidik di dalam sektor pendidikan awam mahupun swasta merentas semua peringkat pengajian.

iVEDIIC 2022 bukan sahaja memperkasakan staf akademik Fakulti Pendidikan dan memberi ruang kepada warga akademik dalam dan luar negara untuk membentangkan hasil inovasi dan reka cipta, ianya juga merupakan manifestasi kemampuan Fakulti Pendidikan dalam menganjurkan pertandingan inovasi secara maya diperingkat antarabangsa yang melibatkan pelbagai lapisan pendidikan. Tiga siri webinar iVEDIIC yang dinamakan "Lunch Date: Webinar Series" (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 7**) telah diadakan bertujuan untuk mengetengahkan topik berkaitan dengan inovasi, penerbitan dan panduan pelontaran idea pembentangan. Satu inisiatif baharu fakulti yang bertujuan untuk memastikan peserta dan pelajar memperoleh pengetahuan tambahan selain daripada pengalaman pertandingan inovasi.

artSMart

artSMart adalah salah satu projek yang dijalankan secara bersiri bersama komuniti di bawah payung SULAM iaitu salah satu inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi mewujudkan sinergi antara universiti dan komuniti. Melalui pendekatan PnP yang digerakkan sepenuhnya oleh 39 pelajar tahun akhir program pendidikan seni lukis dan seni reka telah melibatkan hampir 350 orang mahasiswa dan pensyarah daripada pelbagai bidang seperti Sains, PJK, Matematik dan TESL. Pelbagai siri kelas bimbingan, bengkel tunjuk cara, sesi perkongsian ilmu, kemahiran dan pengalaman, bual bicara pakar, pameran dan karnival pendidikan telah

dilaksanakan dengan penglibatan sekitar 1000 orang komuniti daripada pelbagai peringkat umur. **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 8 dan BUKTI 3: Gambarajah 9)**. Projek SULAM ini bukan sahaja menyokong quadrapole helix yang disarankan Negara malahan melibatkan disiplin yang pelbagai yang bergabung secara sinergi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_K01_KB03_20231_EDU_1.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_K01_KB03_20232_EDU_1.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_K01_KB03_20233_EDU_1.3 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Fakulti Pendidikan sentiasa menggunakan konsep **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** dalam memastikan penambahbaikan kualiti berterusan (**CQI**) dalam setiap program atau projek yang dianjurkan. Proses ini berlaku di dalam mesyuarat post-mortem dan mesyuarat fakulti bagi menambahbaik aspek sama ada proses, operasi dan mekanisme.

IES 2022

Simposium ini mendapat sambutan yang sangat positif daripada penyertaan universiti negara-negara Asia Tenggara dari Brunei, Cambodia, Indonesia, Myanmar, Pakistan, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam dan Malaysia. Maklumbalas dilaksanakan menerusi Google Form (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 10**) yang dilancarkan melalui kotak sembang YouTube. Platform ini adalah salah satu mekanisme penjana siji penyertaan kepada peserta disamping mendapatkan maklumbalas program yang diadakan bagi tujuan penambahbaikan penganjuran program pada masa akan datang.

iVEDIIC 2022

iVEDIIC 2022 merupakan pertandingan inovasi pendidikan bertaraf antarabangsa yang dibuka kepada pelajar, guru, pensyarah dan pihak industri luar yang berkaitan. Program ini telah berjaya mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan daripada peserta dalam dan luar negara. Bagi memastikan program iVEDIIC pada masa hadapan mencapai standard yang lebih baik, Google Form (**Rujuk BUKTI 2 : Gambarajah 11**) telah diedarkan kepada para peserta untuk dapatkan maklum balas bagi penambahbaikkkan masa hadapan.

artSMart

Secara keseluruhannya, maklum balas peserta yang telah mengikuti program ini telah diambil dikira selepas program artSMart ini dijalankan melalui soal selidik secara maya (online) dan temubual pada hari aktiviti diadakan (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 12 dan BUKTI 3: Gambarajah 13**). Projek ini telah mendapat sambutan yang luar biasa dengan penglibatan hampir 1000 orang komuniti daripada pelbagai peringkat umur, khususnya di Flat Seri Melaka, Cheras, Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan berhampiran.

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_K01_KB04_KC01_20231_EDU_1.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_K01_KB04_KC01_20232_EDU_1.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_K01_KB04_KC01_20233_EDU_1.4.1 BUKTI 3.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Setiap apa jua inisiatif yang dirancang dan dijalankan, pasti akan mempunyai risiko yang bakal dihadapi. Oleh yang demikian, sebagai langkah awal, pihak pengurusan Fakulti sentiasa mengenal pasti risiko yang bakal dihadapi sebelum melaksanakan sebarang inisiatif.

Bagi aktiviti **IES2022**, dua risiko yang boleh mengganggu kelancaran atau cabaran utama bagi penganjuran IES2022. Memandangkan program ini bertaraf antarabangsa, pihak Fakulti telah mensasarkan untuk berkolaborasi bersama University of the Immaculate Conception (UiC), Filipina. Memandangkan bahasa utama yang digunakan oleh kedua-dua negara adalah berbeza, konflik komunikasi mungkin akan berlaku. Oleh yang demikian, sebagai langkah solusi telah diambil, perjumpaan dan mesyuarat bersama jawatankuasa dengan rakan kolaborasi secara berkala dan memastikan setiap perjumpaan ada hasil yang akan dicapai. Risiko yang kedua adalah kurangnya penyertaan peserta bagi simposium ini sama ada penyertaan dalam negara mahupun antarabangsa. Oleh itu, bagi memastikan penyertaan mendapat sambutan, promosi IES2022 secara besar-besaran dan berterusan melalui platform media pelbagai dan rangkaian kerjasama rakan kolaborasi sebagai agen promosi

Program **iVEDIIC2022** pula, risiko yang dikenal pasti adalah kurangnya penyertaan penyertaan bgi program ini. Oleh itu, sebagai langkah proaktif, Fakulti telah membuat hebahan melalui pelbagai saluran seperti laman web, emel, dan whatsapp. Promosi juga telah dijalankan dengan 'Art Attack', dan hebahan saluran radio dimana Dr Khadijah Said Hashim telah di temu bual oleh stesen radio UiTM (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 14**). Dr Khadijah dan Puan Nadia Ainuddin Dahlan juga telah melawat beberapa sekolah seperti SMK Seksyen 24 (2) Shah Alam dan Sekolah Sukan Seksyen 11 pada 21 Oktober 2022 untuk mempromosi iVEDIIC2022 (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 15**).

Manakala bagi program **artSMart**, risiko yang dikenal pasti adalah hubungan komunikasi dan mesra sesama sukarelawan dan urusetia program. Memandangkan program ini akan melibatkan pelajar-pelajar dan staf yang berlainan program dan jabatan, risiko konflik hubungan mungkin berlaku. Selain itu, program ini dikuatiri kurang mendapat sambutan dikalangan komuniti Flat Seri Melaka. Oleh itu, sebagai langkah pencegahan, Fakulti telah mengadakan sesi suai kenal dan ramah mesra antara peserta sukarelawan sebelum memulakan aktiviti artSMart. (**Rujuk Bukti 2: Gambarajah 16**). Selain itu, hebahan dalam bentuk poster yang telah diedarkan di Flat Sri Melaka telah dilakukan dan kerjasama dengan persatuan sukarelawan (NGO) membantu dalam hebahan dan mengumpul peserta artSMart.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_K01_KB04_KC02_20231_EDU_1.4.2_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_K01_KB04_KC02_20232_EDU_1.4.2_BUKTI_2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Setelah selesai menjalankan sesebuah program, pihak ahli jawatankuasa menyedari kepentingan untuk mengkaji semula dan menyusun gerak kerja untuk tujuan penambahbaikan. Oleh itu, untuk memastikan program akan datang dijalankan dengan lancar, analisa penambahbaikan program telah dilakukan melalui mesyuarat post mortem dan analisa maklumbalas yang diterima. Bagi program **IES2022 (Rujuk Bukti 1: Gambarajah 17)**, hasil analisa yang dijalankan, sidang pembentangan ketiga telah bermula lewat tidak mengikut jadual yang ditetapkan oleh sebab rehat Solat Jumaat. Hasil penilaian, pihak pengurusan memutuskan taklimat haruslah lebih awal diberikan dan elakkan penganjuran pada hari Jumaat.

Manakala bagi program **iVEDICC2022**, dua isu yang telah dikenal pasti. Isu pertama ialah penerbitan abstrak tidak dicetak pada waktu yang ditetapkan. Ini adalah kerana kebanyakan abstrak yang dihantar untuk penilaian dan pendaftaran tidak mengikut struktur format yang ditetapkan walaupun pihak jawatankuasa telah sertakan di laman web. Isu kedua ialah berkenaan penajaan untuk program ini tidak mencapai jumlah sasaran. Hasil post-mortem yang dibincangkan, tindakan penambahbaikan yang akan dilaksanakan ialah satu sesi formatting akan diadakan untuk memastikan abstrak masih dapat diterbitkan pada tahun yang sama dan garis panduan spesifik akan diberikan kepada peserta melalui emel. **(Rujuk Bukti 2: Gambarajah 18)**. Pencarian penaja program akan dimulakan lebih awal dan mengambil kira keperluan berjumpa dengan bakal penaja secara fizikal amat disarankan dan mengenalpasti penaja yang berpotensi secara lebih proaktif dan berstrategi.

Program **artSMart** pula, didapati keberkesanan yang kurang dari segi hebahan program, kehadiran peserta untuk memeriahkan program artSMart dan penglibatan komuniti Flat Sri Melaka, Cheras. Selain itu, sumber tenaga kerja yang kurang mencukupi pada hari kejadian terutama dari aspek teknikal dan logistik. Contohnya, hanya 4 hingga 5 tenaga kerja yang bertugas pada bahagian teknikal iaitu sistem bunyi, mikrofon dan penangkapan video dan gambar. **(Rujuk Bukti 3: Gambarajah 19)**. Tindakan penambahbaikan yang akan dilaksanakan ialah selain daripada poster, hebahan juga akan dilakukan secara lebih meluas dengan lawatan ke sekolah di sekitar lokasi program yang akan dijalankan. Lebih ramai sukarelawan fakulti pendidikan, UiTM akan di rekrut untuk menjadi ahli jawatankuasa. Rakan kolaborasi NGO juga dilihat dapat membantu dari segi merekrut sukarelawan bagi melancarkan penganjuran program pada masa akan datang.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_K01_KB04_KC03_20231_EDU_1.4.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_K01_KB04_KC03_20232_EDU_1.4.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_K01_KB04_KC03_20233_EDU_1.4.3 BUKTI 3.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Barisan kepimpinan kanan Fakulti Pendidikan telah mampu mengerakkan semua jabatan dalam memastikan segala objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang berjalan lancar. Amalan pentabiran yang baik ini telah berjaya menarik dan meningkatkan kerjasama bersama pihak luar UiTM sehingga ke tahap Kerjasama antarabangsa. Dua daripada tiga program iaitu **IES 2022** dan **iVEDIIC 2022** telah melibatkan kolaborasi antarabangsa daripada universiti-universiti negara Asia.

IES 2022 telah berkolaborasi dengan Immaculate Conception University Filipina. Penyertaan mahasiswa dari 10 negara-negara Asia Tenggara yang melibatkan Brunei, Cambodia, Indonesia, Myanmar, Pakistan, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam dan Malaysia melibatkan lebih dari 200 pemimpin mahasiswa. **(Rujuk Bukti 1: Gambarajah 20).**

iVEDIIC2022 juga telah mendapat penyertaan luar negara dari Universitas Negeri Malang, Indonesia dan Toyo University, Jepun **(Rujuk Bukti 2: Gambarajah 21)**. Selain itu, pihak pengurusan juga telah berjaya meningkatkan integrasi penglibatan komuniti dalam memberikan pendedahan dan pengalaman kepada warga Fakulti Pendidikan dan meningkatkan nilai tambah dalam pengajaran dan pembelajaran para pelajar. Ini dapat dilihat dalam pembabitan Fakulti Pendidikan Bbersama Flat Seri Melaka, Cheras, Kuala Lumpur dalam program artSMart2022. Dengan berpegang prinsip memudahkan perkongsian ilmu secara meluas, iVEDIIC 2022 telah diadakan secara maya dan fizikal.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_K01_KB05_20231_EDU_1.5 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_K01_KB05_20232_EDU_1.5 BUKTI 2.pdf](#)
- 3.
- 4.

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan strategik Fakulti Pendidikan 2022 dirangka berasaskan kepada UiTM Global Renowned University 2020-2025 (GRU 2020-2025). Perancangan Strategik UiTM yang digubal pada setiap lima (5) tahun menjadi panduan kepada pembentukan Strategic Action Plan (SAP) Fakulti Pendidikan. Walau bagaimanapun, penilaian prestasi bagi setiap indikator pencapaian dilakukan pada setiap tahun agar pemetaannya selari dengan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Indikator pencapaian fakulti ini disasarkan kepada Fakulti Pendidikan melalui Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik (CSPI) yang kini dikenali sebagai Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

Pada tahun 2021, terdapat 54 bilangan indikator pencapaian (PI) yang diturunkan kepada Fakulti Pendidikan dan skor pencapaian pada tahun tersebut adalah 71%. Bilangan PI bagi tahun 2022 telah meningkat kepada 63 dan skor pencapaian meningkat kepada 92%. Peningkatan dari segi pencapaian PI ini dilihat berlaku kerana perancangan yang teliti dan berstrategi telah diaturkan sebaiknya oleh setiap Timbalan Dekan (TD) yang berfungsi sebagai peneraju PI di peringkat fakulti disamping sokongan para warga fakulti. Setiap Timbalan Dekan akan membentangkan kemajuan perancangan dan strategi mereka untuk pencapaian PI kepada Dekan dalam mesyuarat MPE. Dokumen UiTM 2025 menjadi rujukan utama bagi memastikan strategi yang dibina sejajar dengan inisiatif universiti.

Dengan kekuatan sumber Fakulti Pendidikan dalam aspek Pengajaran dan Pembelajaran, maka tumpuan utama pencapaian strategik 2022 adalah berdasarkan kepada 3 inisiatif utama berikut:

1. EduSTRIKE - merupakan inisiatif yang menekankan kepada komitmen berterusan warga Fakulti Pendidikan di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, perkongsian ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang dilaksanakan bersama pelajar (bakal pendidik) dari semua program pendidikan dibawah Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM).

2. EduRICH - merupakan inisiatif yang difokuskan kepada akses peluang pendidikan dan pembelajaran menerusi pelaksanaan konsep pengajaran dan pembelajaran bersifat kontekstual. Projek-projek yang dilaksanakan adalah berteraskan penyelesaian permasalahan dan solusi kepada isu-isu yang dihadapi oleh komuniti dan masyarakat yang dikenal pasti. Kesemua projek-projek ini bakal menjadi platform terbaik khususnya kepada warga staf dan pelajar Fakulti Pendidikan untuk menghubungkan kaitkan teori dan praktis, membentuk sahsiah diri, kemahiran sivik, meningkatkan kualiti modal insan dan tanggungjawab sosial, mengenengahkan kemahiran mereka menerusi aktiviti kesukarelawanan, serta yang paling penting adalah bagi mewujudkan jaringan pintar diantara universiti, agensi, industri dan komuniti.

3. EduWHIZ - merupakan inisiatif Fakulti Pendidikan yang berteraskan kepada pengetahuan, kemahiran dan bakat dalam bidang pendidikan serta praktis mendalam tentang prinsip, amalan dalam metodologi pendidikan, kajian, penyelidikan dan perundingan yang dilaksanakan oleh warga fakulti bersama dengan rakan industri, institusi dan agensi yang terlibat di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga inisiatif ini telah menyemarakkan amalan pemindahan pengetahuan, mengetengahkan bidang dan kepakaran staf akademik Fakulti Pendidikan, serta melonjakkan ketampakan Fakulti Pendidikan di peringkat universiti mahupun antarabangsa. Malah inisiatif-inisiatif ini turut menyokong pencapaian PI yang diturunkan kepada fakulti bagi menyokong GRU2025. Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU) memainkan peranan sebagai penyelia yang bertanggungjawab memantau pelaksanaan dan pencapaian inisiatif. Pelaporan secara berkala dilakukan bagi merekod pencapaian ke dalam sistem UePMO mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh BTU. Pelaporan ini kemudiannya dikongsi

kepada peneraja agar di strategikan pencapaianya meningkat standar semua.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan strategik Fakulti Pendidikan bagi tahun 2021-2025 merupakan perancangan bagi jangka masa lima (5) tahun bertujuan mencapai visi Fakulti Pendidikan iaitu untuk menjadi Fakulti Pendidikan yang tersohor berdasarkan kecemerlangan akademik dan keserjanaan dalam melahirkan graduan beretika, berwawasan, inovatif, dinamik dan global. Semakan perancangan strategik dibuat dari masa ke semasa melalui beberapa platform yang mudah dilaksanakan antaranya *group whatsapp*, mesyuarat MPE dan mesyuarat am serta *google drive*. Pembentukan inisiatif perancangan strategik yang telah dilaksanakan oleh Fakulti Pendidikan untuk tahun 2022 disejajarkan dengan 3 inisiatif utama Fakulti Pendidikan. Berikut merupakan proses yang berlangsung dalam membentuk pelan strategik Fakulti Pendidikan:

- a. SAP dibentuk berdasarkan kepada sasaran PI yang diturunkan kepada Fakulti pada setiap awal tahun. Semua projek didaftarkan ke dalam sistem berdasarkan pada persetujuan hasil dari Bengkel Perancangan Strategik. Setiap projek didaftarkan adalah berdasarkan 4 portfolio utama yang telah dibincang, dibentang dan disahkan oleh semua pihak yang terlibat semasa siri mesyuarat dan bengkel Perancangan Strategik pada tahun 2022. **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1 & 2)**
- b. SAP ini merangkumi pembentukan jawatankuasa bagi setiap projek yang di diluluskan. Timbalan Dekan yang bertindak sebagai peneraju akan melantik pengurus program bagi membantu pelaksanaan dan pencapaian PI. Jawatankuasa yang dibentuk ini akan menilai situasi semasa dan jurang pencapaian dan seterusnya mengaplikasi kaedah pelaksanaan yang bersesuaian. Penetapan keutamaan berdasarkan keperluan bajet dan risiko turut ditekankan sewaktu penjajaran inisiatif dengan PI yang berkaitan dibuat.
- c. Kesedaran warga fakulti tentang PI dan pelan strategik ini dikongsi melalui mesyuarat staf Fakulti Pendidikan. Perkongsian data adalah selari dengan sela masa pelaporan BTU yang mengikut pelaporan sukuan tahunan.
- d. Penyediaan SAP yang dirangka oleh setiap Timbalan Dekan kemudiannya dibentangkan kepada Dekan untuk kelulusan dan dimajukan kepada Bahagian Transformasi Universiti (BTU) bagi tujuan rekod dan pemantauan. **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 3).**
- e. PSTU bertindak sebagai pemantau keseluruhan inisiatif akan melapor pencapaian setiap inisiatif di sistem UePMO dan menyediakan laporan ringkas kepada Dekan sebagai persediaan bagi menghadapi pembentangan laporan PI oleh BTU yang dilakukan secara berkala 3 bulan sekali. **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 4).**
- f. Pencapaian bulanan dikemaskini dalam bentuk data bagi memudahkan pemahaman kepada warga berkenaan status pencapaian setiap PI begitu juga tahap pencapaian fakulti di kalangan PTJ lain yang diekstrak PSTU dari Sistem POWER BI. Data dari SISTEM POWER BI adalah data yang lebih tepat untuk pengukuran sebenar pencapaian Fakulti berbanding PTJ-PTJ lain di UiTM. **(Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 5).**

Ketiga-tiga inisiatif utama fakulti **EduSTRIKE**, **EduRICH** dan **EduWHIZ** menggarap usaha dan memacu fakulti untuk menjadi fakulti tersohor dalam meningkatkan keserjanaan akademik yang turut mendokong usaha meletakkan UiTM di QS Ranking teratas. Setiap inisiatif yang dilaksanakan ditunjukkan dengan keperluan MyRA dan SETARA. Antara projek yang menyokong inisiatif **EduSTRIKE** dan **EduWHIZ** ialah:

- a. Memeterai MoU dan MoA bersama universiti awam, antarabangsa dan rakan industri yang berpotensi.
- b. Penghasilan penerbitan berindeks dan berimpak tinggi (MyCITE, ERA, SCOPUS dan WoS)
- c. Perolehan geran di peringkat dalaman, industri, nasional dan antarabangsa.

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_P01_PB02_20231_EDU_2.2_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_P01_PB02_20232_EDU_2.2_BUKTI_2.pdf](#)
3. [F0034_P01_PB02_20233_EDU_2.2_BUKTI_3.pdf](#)
4. [F0034_P01_PB02_20234_EDU_2.2_BUKTI_4.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Berdasarkan kepada inisiatif yang dirancang oleh setiap peneraju (Timbalan Dekan), pemetaan inisiatif-inisiatif strategik bertumpu ketiga-tiga projek utama Fakulti Pendidikan dilaksanakan iaitu:

a. Inisiatif Jalinan dan Kerjasama Strategik.

Fakulti telah mengenal pasti universiti awam, antarabangsa dan rakan industri yang berpotensi. Sesi Meet & Greet telah dilaksanakan dengan pihak yang berpotensi dan relevan kepada keperluan fakulti dan pelajar khususnya bagi mencapai kesefahaman dan seterusnya memeteraikan perjanjian. **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 6, BUKTI 2: Gambarajah 7).**

b. Penghasilan penerbitan berindeks dan berimpak tinggi (MyCITE, ERA, SCOPUS dan WoS).

Bagi memastikan keperluan penerbitan tahunan pensyarah tercapai, siri bengkel penulisan berimpak diadakan secara berkala. Bengkel ini menasaskan kepada dua objektif utama iaitu untuk membantu denominator berpotensi menghasilkan penerbitan dan juga pemilik geran mencapai penerbitan sasaran yang ditetapkan oleh setiap jenis geran. **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 8).**

c. Perolehan geran di peringkat dalaman, industri, nasional dan antarabangsa.

Dalam memastikan setiap staf adalah Penyelidik Utama bagi setiap geran, bengkel bersiri diadakan untuk menyediakan deraf kertas kerja geran sebagai persediaan untuk memohon geran yang ditawarkan sepanjang tahun dengan kerjasama pihak Reneu. Geran-geran yang ditawarkan sepanjang tahun dihebahkan kepada warga Fakulti melalui pejabat PJI menerusi email dan aplikasi whatsapp. **(Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 9).**

Pemeriksaan kepakaran staf dalam bidang tujuhan dibentuk menerusi projek ini yang turut secara langsung memenuhi keperluan rancangan strategik UiTM 2025 dalam menjadikan UiTM sebagai GRU 2025 melalui sumbangan skor MyRA, SETARA, dan QS Ranking.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_P01_PB03_20231_EDU_2.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_P01_PB03_20232_EDU_2.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_P01_PB03_20233_EDU_2.3 BUKTI 3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Inisiatif yang dirancang dipantau dengan teliti untuk memastikan sasaran perancangan strategik tercapai. Fakulti perlu mengenalpasti dan pengurusan risiko yang dihadapi dan sentiasa berusaha membuat penambahbaikan ke atas inisiatif yang dirancang.

a. Inisiatif jalinan dan kerjasama strategik menerusi pemeteraian MoU dan MoA bersama universiti awam, antarabangsa dan rakan industri yang berpotensi.

Pengurus projek Fakulti akan melaksana dan melaporkan pencapaian bagi setiap perkembangan dan hasil aktiviti yang dirancang kepada Koordinator ICAN. Tindakan yang sama turut dilakukan oleh pengurus projek rakan-rakan MoU/MoA bagi memastikan perkembangan dan hasil aktiviti tercapai dari masa ke semasa. **(Rujuk pada BUKTI 1: Gambarajah 10).**

b. Penghasilan penerbitan berindeks dan berimpak tinggi (MyCITE, ERA, SCOPUS dan WoS)

Pengurus projek akan memastikan setiap peserta bengkel dapat menghasilkan manuskrip bagi tujuan penerbitan ke dalam jurnal-jurnal yang telah dikenalpasti. Bagi peserta yang gagal untuk menyempurnakan manuskrip dalam tempoh yang telah ditetapkan, tindakan susulan seperti peringatan berkala diberikan melalui aplikasi Whatsapp. **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 11).**

c. Perolehan geran di peringkat dalaman, industri, nasional dan antarabangsa

Koordinator penyelidikan akan mengeluarkan peringatan secara berkala kepada pemilik geran untuk menghantar laporan kemajuan penyelidikan ke dalam system IRMIS bagi setiap 6 bulan serta memastikan penggunaan peruntukan digunakan dari masa ke semasa. **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 12).**

Pemantauan oleh PSTU turut dijalankan secara berkala setiap suku tahun dan membentangkan analisa pencapaian PI menerusi mensyuarat MPE.

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_P01_PB04_PC01_20231_EDU_2.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_P01_PB04_PC01_20232_EDU_2.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_P01_PB04_PC01_20233_EDU_2.4.1 BUKTI 3.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Fakulti Pendidikan telah mengenal pasti risiko dan diambil kira di dalam perancangan strategik supaya PTJ mengambil tindakan mencegah dan mengatasi risiko tersebut.

a. Inisiatif jalinan dan kerjasama strategik

Pemeteraian MoU dan MoA berjaya dilaksanakan tetapi pada peringkat perundangan Universiti mengambil masa yang lama dan menyebabkan pemeteraian tidak dapat dilakukan pada tahun semasa. Dari sudut aktiviti bersama, kegagalan dalam melaksanakan aktiviti adalah disebabkan oleh faktor kewangan yang terhad serta kerjasama yang kurang memuaskan daripada pihak rakan MoU/MoA.

b. Penghasilan penerbitan berindeks dan berimpak tinggi (MyCITE, ERA, SCOPUS dan WoS)

Proses menerbitkan manuskrip ke dalam jurnal-jurnal tertentu mengambil proses yang lama khususnya pada peringkat semakan oleh pihak jurnal dan mengakibatkan kelewatan dalam menerbitkan manuskrip pada tahun semasa. Turut dijangka akan terdapat staf yang gagal menghasilkan manuskrip seperti yang disasarkan menerusi bengkel yang dilaksanakan.

c. Perolehan geran di peringkat dalaman, industri, nasional dan antarabangsa.

Proses memohon geran adalah bersifat subjektif dan tidak boleh dijangka dari sudut status penerimaan, demikian kebarangkalian untuk peserta memperoleh geran adalah tersasar daripada pencapaian yang ditetapkan.

Risiko-risiko yang dikenal pasti ini didaftarkan dalam risiko SAP dan langkah pencegahan dijalankan bagi meminimakan risiko tersebut. **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 13).**

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_P01_PB04_PC02_20231_EDU_2.4.2 BUKTI 1.pdf](#)

2.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil analisa perancangan strategik dilaksanakan dalam mesyuarat mitigasi untuk tindakan penambahbaikan prestasi bagi mencapai kejayaan setiap projek dan ini dibentangkan oleh setiap Timbalan Dekan kepada semua warga Fakulti akademik mahupun pentadbiran bagi memastikan keterlibatan warga secara inklusif dalam melaksanakan penambahbaikan berdasarkan refleksi yang dibuat. Kepimpinan kanan Fakulti Pendidikan sentiasa menyeru agar warga fakulti menghayati dan memahami kepentingan mencapai PI melalui inisiatif yang telah dirancang. Aspek kekuatan, kelemahan, kekurangan dan peluang ditekankan kepada warga fakulti untuk memberi tindakan penambahbaikan dan meningkatkan amalan pembudayaan kerja yang lebih positif dan proaktif dalam memastikan aspek-aspek ini digunakan dengan sebaiknya. **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 14).**

Inovasi penambahbaikan perancangan strategik tersebut adalah seperti berikut.

a. Memeterai MoU dan MoA bersama universiti awam, antarabangsa dan rakan industri yang berpotensi.

Lantikan pengurus utama mengikut MoU dan MoA dilaksanakan bagi memastikan perancangan aktiviti di antara pihak universiti dan jaringan dapat dilaksanakan mengikut takwim yang telah dirancang sebagai salah satu pengurusan risiko. **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 15).**

b. Penghasilan penerbitan berindeks dan berimpak tinggi (MyCITE, ERA, SCOPUS dan WoS)

Melaksanakan bengkel penulisan berimpak pada awal tahun bagi memberi ruang untuk peserta menyiapkan manuskrip dan seterusnya menerbitkan dalam tahun semasa. Intipati bengkel turut diperkayakan dengan mengguna pakai khidmat Resident Reviewer UiTM serta kerjasama daripada beberapa editor jurnal tertentu untuk meningkatkan kadar penerimaan penerbitan. **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 16).**

c. Perolehan geran di peringkat dalaman, industri, nasional dan antarabangsa.

Melaksanakan bengkel deraf penyelidikan pada awal tahun sebagai persediaan kepada peserta untuk menghasilkan dan seterusnya menghantar permohonan apabila hebahan geran dibuka dan ini membantu dalam meningkatkan kebarangkalian penerimaan geran dalam kalangan warga fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_P01_PB04_PC03_20231_EDU_2.4.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_P01_PB04_PC03_20232_EDU_2.4.3 BUKTI 3.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Perancangan strategik yang rapi dapat memastikan setiap usaha dapat digembeleng dengan berkesan, tersusun dan mencapai matlamatnya. Timbalan-Timbalan Dekan yang bertindak sebagai peneraju projek telah berbincang dengan jawatankuasa yang ditubuhkan untuk merancang kaedah pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut.

Amalan pembudayaan kerja yang sihat selalu diingatkan oleh pengurusan atas bagi memastikan minda kerja yang positif ini dapat diamalkan dan memastikan pencapaian objektif dan inisiatif strategik dilaksanakan dan seterusnya mencapai sasaran. Untuk memastikan kejayaan tersebut, Fakulti Pendidikan memerlukan sokongan yang padu dan jitu dari semua warga fakulti termasuklah dalam kalangan kepimpinan kanan, staf akademik dan staf pentadbiran.

Perkongsian maklumat kepada warga fakulti melalui perkongsian pencapaian sasaran fakulti dikongsi bersama warga dari masa ke semasa melalui ruang yang santai (Whatsapp Group) dan juga perkongsian dokumen strategik di google drive bagi melancarkan proses penilaian dan pengukuran prestasi fakulti dapat dijalankan. **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 17).**

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_P01_PB05_20231_EDU_2.5 BUKTI 1.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tumpuan pelanggan Fakulti Pendidikan memfokuskan tiga pengkhususan utama iaitu **EDU STRIKE**, **EDU RICH** dan juga **EDU WHIZ**. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga bidang tumpuan ini telah membantu bagi melonjakkan capaian sasaran tahunan petunjuk prestasi Fakulti Pendidikan pada tahun 2022 menerusi pelbagai aktiviti dan program yang telah dilaksanakan seperti projek **Service Learning Malaysia - University for Society (SULAM)**, **International Virtual Educational Design, Invention and Innovation (iVEDIIC)** dan juga **International Education Symposium (IES)**. Projek **SULAM** merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mengintegrasikan objektif pembelajaran kursus-kursus terpilih bersama khidmat komuniti. Menerusi projek **SULAM**, pelajar menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh komuniti setempat dengan mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang dipelajari semasa kuliah. Sebanyak 12 projek **SULAM** telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2022 melalui 4 kursus **SULAM**. **iVEDIIC** pula merupakan satu usaha Fakulti Pendidikan dalam mengetengahkan inovasi dan penyelidikan yang dihasilkan oleh ahli akademik fakulti dan institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara, serta guru dan pelajar sekolah di samping memupuk budaya inovasi dan kreativiti mengikut disiplin masing-masing. Program yang mensasarkan komuniti akademik tempatan dan antarabangsa ini menjadi platform bagi peserta mempamerkan produk dan hasil kajian mereka yang berteraskan pengajaran dan pembelajaran. Inisiatif terakhir adalah **IES 2022** yang merupakan platform untuk pelajar berkongsi ilmu dan pengalaman secara strategik bagi menambahbaik amalan kepimpinan serta proses pembelajaran di institusi masing-masing. **IES** adalah salah satu usaha yang diangkat oleh Fakulti Pendidikan yang bertujuan untuk melahirkan pemimpin-pemimpin muda dalam kalangan pelajar di peringkat global. Beberapa universiti luar negara, rakan **MOU/MOA** dan rakan industri turut menjadi penganjur bersama bagi ketiga-tiga inisiatif di atas.

Untuk aspek perancangan (plan), bengkel perancangan strategik dijalankan bagi menentukan penglibatan jabatan dan staf mengikut inisiatif yang telah dirangkakan termasuklah **SULAM**, **iVEDIIC** dan **IES**. Bagi mendukung tiga (3) inisiatif utama yang diilhamkan oleh pengurusan tertinggi fakulti, pelanggan yang dikenalpasti terlibat dalam menjayakan objektif setiap projek seterusnya akan dibincangkan melalui beberapa siri mesyuarat. Kesemua program dan aktiviti yang dijalankan di bawah ketiga-tiga inisiatif ini tidak sahaja bertumpu kepada pelanggan dari sektor pendidikan, malah merangkumi pelbagai sektor. Ketiga-tiga inisiatif ini telah dimanifestasikan melalui program dan aktiviti secara berkala dan sistematik (do). Antara aktiviti **SULAM** yang telah dilaksanakan pada tahun 2022 adalah **Always Be Clean**, **artSMart 7.0** dan juga **Craft in Visual Culture (CVC) Talk**. Pelaksanaan projek **SULAM**, **iVEDIIC** dan **IES** pada tahun 2022 turut melibatkan universiti luar negara, rakan **MOU/MOA** dan rakan industri sebagai penganjur bersama. Bagi mengekalkan kelancaran pelaksanaan program yang telah dirangkakan, kaji selidik keperluan melalui Google Form dan lawatan tapak dilakukan bagi memahami keperluan komuniti yang disasarkan bagi setiap program (check). Pemantauan setiap perancangan dilakukan bagi melihat keberkesanan program. Usaha ini menjadi faktor utama kepada penyumbang kejayaan projek bagi ketiga-tiga inisiatif. Selanjutnya, tindakan penambahbaikan (act) diambil berdasarkan maklumbalas dari pihak-pihak yang terlibat bagi memastikan penganjuran program di masa hadapan adalah berimpak dan memberi nilai tambah yang baik kepada komuniti sasaran yang terlibat.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Empat kategori utama kumpulan sasaran Fakulti Pendidikan terdiri daripada pelajar, pensyarah, jabatan serta program bagi semua kursus yang ditawarkan di fakulti, dan pelanggan luaran yang berkepentingan iaitu industri dan pemegang taruh. Menerusi inisiatif **SULAM** atau **Service Learning Malaysia - University for Society, Program ABC – Always Be Clean** telah dilaksanakan bersama Wad Pediatrik Hospital Al-Sultan Abdullah. Format penyampaian program secara hibrid merupakan elemen inovasi yang diperkenalkan. Perkongsian pengetahuan bertumpu kepada demonstrasi dan aktiviti simulasi cara-cara membasuh tangan untuk pelajar sekolah. Ini bertujuan meningkatkan kesedaran tentang penyakit HFMD dan kebersihan secara amnya (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1**). Program yang kedua di bawah inisiatif SULAM ialah webinar bersiri **Craft in Visual Culture: Learning in a Creative Society (CVC Talk)**. CVC Talk Siri 1 melibatkan pelajar Universitas Pendidikan Indonesia (UPI) serta pelajar sekolah di Bandung manakala Siri 2 bertumpu kepada golongan pendidik dan penggiat seni. Pelaksanaan webinar yang mengumpulkan barisan pakar dari Fakulti Pendidikan dan rakan strategik fakulti membuka ruang kepada pelajar dan juga pensyarah untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan berkongsi kepakaran mereka selari dengan keperluan komuniti (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2**). Dalam usaha untuk memartabatkan sains dan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, Fakulti Pendidikan telah dengan jayanya menganjurkan pertandingan inovasi **International Virtual Educational Design, Invention and Innovation Competition 2022 (iVEDIIC)** buat kali kedua yang melibatkan kumpulan sasaran pelajar universiti awam dan swasta dari Malaysia dan luar negara, pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah, agensi-agensi awam dan swasta serta industri. Elemen inovasi yang diterapkan dalam penganjuran kali ini ialah dengan memperkenalkan sesi **Lunch Date: Webinar Series** yang menampilkan pakar-pakar bidang untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai inovasi, penerbitan produk dan teknik *pitching*. Usaha ini sedikit sebanyak memberi pengetahuan baru mengenai inovasi dan memberi peluang kepada peserta menghasilkan produk yang berkualiti tinggi. Pertandingan ini juga memberi fokus kepada budaya inovasi untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara, dalam usaha untuk terus kekal relevan dan berdayasaing di peringkat global selari dengan hasrat UNESCO dalam **17 Sustainable Development Goals (SDGs)** (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3**). **International Education Symposium 2022 (IES 2022)** merupakan satu lagi inisiatif Fakulti Pendidikan yang menasaskan pemimpin-pemimpin muda dalam kalangan pelajar di peringkat global. Program ini merupakan platform untuk pelajar berkongsi ilmu dan pengalaman secara strategik bagi menambahbaik amalan kepimpinan serta proses pembelajaran di institusi masing-masing. IES 2022 merupakan siri kedua dimana siri yang pertama telah dilaksanakan pada tahun 2021. Untuk tahun 2022, IES mengetengahkan elemen inovasi yang tiada di siri sebelum ini iaitu melalui slot baru yang menampilkan siri perkongsian pakar dengan tema *Teacher's Excellence Leading in Crisis and Transforming the Future through Values Embodiment* (**Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 4**). Siri perkongsian ini dapat meluaskan capaian peserta yang bukan hanya terdiri dari kalangan pelajar universiti malah mampu menarik peserta dalam kalangan pensyarah dalam dan luar negara. Sesi ini juga dipancarkan secara langsung melalui saluran YouTube rasmi Fakulti Pendidikan (**Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 5**). Sepanjang IES 2022 berlangsung, perkongsian pengetahuan berlaku secara ekstensif antara pemimpin pelajar dari pelbagai negara yang dapat dilihat melalui sesi dialog dan pembentangan idea dalam semua sesi (**Rujuk BUKTI 5: Gambarajah 6**).

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_T01_TB02_20231_EDU_3.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_T01_TB02_20232_EDU_3.2 BUKTI 2.pdf](#)

3. [F0034_T01_TB02_20233_EDU_3.2_BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0034_T01_TB02_20234_EDU_3.2_BUKTI 4.pdf](#)
5. [F0034_T01_TB02_20235_EDU_3.2_BUKTI 5.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan kelancaran dan kejayaan untuk ketiga-tiga inisiatif, beberapa peringkat pelaksanaan projek telah dirancang dan dilaksanakan berteraskan prosidur berstruktur. Dengan menggunakan tatacara yang sistematik menerusi kaedah tinjauan mengenai keperluan dan kehendak bagi sesebuah kumpulan sasaran yang terlibat bagi ketiga-tiga projek yang dinyatakan diatas, bermula dengan fasa pertama iaitu kajian keperluan, setiap warga penggerak projek yang terlibat telah mendapatkan maklumat dan memahami kekangan serta cabaran yang dihadapi oleh setiap kumpulan sasaran yang dikenalpasti melalui kaedah tinjauan tapak bagi mengenalpasti permasalahan yang dihadapi. Sebagai contoh, program **SULAM XOX: School Attack** dan **artSMart** yang melibatkan pelajar sekolah dan komuniti PPR mengadakan beberapa siri pra mesyuarat bersama pihak kumpulan sasaran bagi mengumpul maklumat yang diperolehi sebelum menyediakan perkhidmatan yang bersesuaian dengan keperluan dan kehendak mereka (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 7**).

Setelah selesai fasa tinjauan keperluan bersama pihak komuniti yang terlibat, fasa seterusnya adalah menentukan langkah pemulihan yang perlu dirangka oleh pihak fakulti dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh kumpulan sasaran yang terlibat. Empat langkah utama telah dilaksanakan iaitu memahami masalah; mengumpul maklumat dan data; menganalisa maklumat dan data; dan menyenaraikan pelbagai solusi bagi menyelesaikan masalah. "Brainstorming" atau perbincangan merupakan beberapa kaedah yang telah digunakan dalam penzahiran idea sebelum projek dimulakan.

Pelaksanaan projek **SULAM** peringkat antarabangsa seperti **CVC Talk**, **iVEDIIC** dan juga **IES2022** mengambil kira pelbagai matlamat dan sesi 'brainstorming' dipantau selia oleh pensyarah dan dibantu oleh pakar daripada industri yang dilantik dari kalangan rakan-rakan kolaborasi projek. Semua data peserta yang terlibat dalam inisiatif Fakulti Pendidikan direkodkan dengan sistematik. Sebagai contoh, data-data peserta yang terlibat dalam IES 2022 telah dikumpulkan dengan menggunakan Google Form. Pada setiap sesi yang berlangsung, jawatankuasa terlibat akan berkongsi pautan kehadiran dan maklum balas sebelum setiap sesi berakhir (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 8**). Data yang telah dikutip akan disimpan dalam file Excel untuk rujukan dan rekod fakulti. IES 2022 merupakan program yang melibatkan warga UiTM secara keseluruhan. Poster-poster program dikongsikan di pelbagai platform untuk memastikan penglibatan peserta dari UiTM seluruh Malaysia (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 9**).

Dalam merealisasikan usaha murni dibawah ketiga-tiga inisiatif Fakulti Pendidikan ini, projek-projek yang telah dirangka ini dilaksanakan dengan pengintegrasian pendekatan perkongsian pengetahuan, kemahiran dan pengalaman secara konvensional yang digabung jalinkan dengan aplikasi dan peralatan teknologi baharu. Perancangan dan penelitian yang khusus bagi ketiga-tiga projek ini telah memberikan impak yang positif kepada kumpulan sasaran yang terlibat termasuklah barisan pelajar Fakulti Pendidikan, golongan pendidik, peserta antarabangsa, kanak-kanak di Wad Pediatrik HASA, komuniti Flat Sri Melaka, seluruh institusi awam, swasta dan rakan-rakan industri yang terlibat menjayakan projek-projek ini.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_T01_TB03_20231_EDU_3.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_T01_TB03_20232_EDU_3.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_T01_TB03_20233_EDU_3.3 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Program **artSMart** telah menjalankan kaji selidik keperluan di dalam bentuk Google Form sebelum program digerakkan sepenuhnya dan satu sesi temubual bersama peserta dan pihak terlibat diadakan ketika Karnival Pendidikan dijalankan dan dimuatnaik di saluran Youtube fakulti. Maklumbalas dari kumpulan sasaran turut mendapat liputan yang dikongsikan menerusi akhbar Harian Metro (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 10**). Projek artSMart sebelumnya banyak memfokuskan kepada satu komuniti sahaja. Sebagai contoh, artSMart 6.0 Rebrand and Relook secara spesifiknya bertumpu kepada kumpulan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Oleh itu, tindakan penambahbaikan dilakukan pada penganjuran artSMart 7.0 yang memperkenalkan projek komuniti merentas disiplin (*multidisciplinary community project*), melibatkan seramai hampir 300 mahasiswa dan pensyarah daripada pelbagai bidang disiplin. Beberapa siri kelas bimbingan, bengkel tunjuk cara, bual bicara pakar, pameran dan karnival pendidikan telah dijalankan dengan pembabitan sekitar 800 orang komuniti daripada pelbagai peringkat umur.

Untuk inisiatif **iVEDIIC 2022**, pautan borang maklumbalas dikongsi pada hujung setiap acara bagi menilai pencapaian objektif program. Ahli jawatankuasa turut memberikan maklumbalas secara langsung di ruangan *live chat* bagi memastikan setiap persoalan dari para peserta dan penonton diselia sebaiknya (**Rujuk Bukti 2: Gambarajah 11**). Kaedah yang sama digunapakai ketika penganjuran iVEDIIC 2020 dan hasil dari maklumbalas mendapati peserta senang dengan mod atas talian. Hasil perbincangan post-mortem iVEDIIC 2020 juga mendapati keuntungan yang diperoleh melalui mod atas talian lebih besar berbanding secara bersemuka. Dapatan ini seterusnya membawa kepada penganjuran iVEDIIC 2022 yang juga dijalankan secara virtual.

Objektif **IES2022** secara umumnya adalah menggalakkan penglibatan aktif peserta dalam perbincangan peringkat antarabangsa, berkolaborasi dalam pelbagai aspek, dan memperkayakan pengalaman pembelajaran pemimpin pelajar universiti ASEAN dengan memberikan pendedahan dalam aspek budaya serantau, sistem pendidikan, dan aspek ekologi. Data dari penganjuran IES2021 secara umumnya mendapati peserta menginginkan perkongsian yang lebih pelbagai daripada lebih banyak variasi komuniti. Data ini seterusnya digunapakai untuk mengkaji semula pengurusan program bagi IES2022. Oleh itu, penambahbaikan telah dilakukan di peringkat pengurusan dalam penganjuran IES2022 dengan melibatkan lebih ramai rakan kerjasama strategik daripada beberapa institusi di Filipina, Indonesia, Thailand, Myanmar, Thailand dan juga Jepun. Penambahbaikan ini bertujuan untuk meningkatkan lagi pengalaman pembelajaran dalam kalangan peserta melalui pelbagai budaya serantau berbanding IES2021.

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_T01_TB04_TC01_20231_EDU_3.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_T01_TB04_TC01_20232_EDU_3.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Salah satu risiko yang dihadapi dalam inisiatif **SULAM** contohnya dalam projek artSMart, adalah sambutan yang kurang menggalakkan daripada pihak Persatuan Penduduk Flat Sri Melaka. Kekangan ini membantutkan kelancaran proses pelaksanaan projek yang berskala sederhana besar ini. Bagi mencapai persetujuan penduduk, pihak penggerak projek artSMart mengadakan perbincangan bersama persatuan sukarelawan (NGO) yang turut sama membantu bagi mengenalpasti dan mengumpul kumpulan sasaran yang terlibat supaya dapat membantu memmeriahkan dan menjayakan lagi projek ini. Hasil daripada perbincangan ini telah memberi impak yang sangat positif kepada kejayaan melibatsamakan seluruh komuniti Flat Sri Melaka dalam menjayakan projek ini (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 12**).

Antara risiko bagi pelaksanaan **iVEDIIC 2022** adalah jumlah penyertaan bagi setiap kategori serta penjurian yang berkelayakan. Bagi memastikan anjuran kali ini mencapai target yang telah ditetapkan, jawatankuasa pelaksana menghantar jemputan kepada peserta/organisasi yang berpotensi di dalam dan luar negara melalui e-mail. E-mail jemputan sebagai rakan kolaborasi turut dihantar kepada rakan MOU Fakulti Pendidikan. Beberapa siri promosi telah dijalankan di pelbagai platform seperti hebahan di media sosial dan penampilan di Radio UiTM FM. Selain itu, jawatankuasa iVEDIIC turut mengadakan 'roadshow' di sekolah-sekolah terpilih sekitar Lembah Klang sebagai salah satu usaha mempromosikan pertandingan ini. Bagi mengelak risiko 'biasness' dan 'favoritism, latihan diberikan kepada para juri dengan membangunkan satu sistem penjurian atas talian (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 13**).

IES 2022 melibatkan peserta dari pelbagai universiti di negara ASEAN dan dijalankan secara dalam talian. Antara risiko yang dikenalpasti adalah gangguan internet/kualiti wifi yang lemah daripada penganjur dan individu-individu penting yang terlibat di dalam program (cth: penceramah, pengacara program, moderator dll) yang akan memberi kesan kepada kelancaran program. Sehubungan itu, tindakan pencegahan diambil dengan menyediakan pelan alternatif melibatkan strimer kedua (sekiranya program yang distrimkan melalui strimer pertama mengalami masalah). Oleh itu, terdapat lebih daripada seorang strimer di Streamyard semasa penganjuran semua sesi di IES2022 (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 14**). Tindakan pencegahan lain termasuklah sesi uji lari bersama semua penceramah dan semakan kualiti internet mereka, taklimat teknikal melibatkan semua jawatankuasa penganjur dan komunikasi pelan alternatif sekiranya program mengalami gangguan teknikal. Langkah pencegahan yang dinyatakan di atas adalah prosedur standard yang diamalkan untuk semua program live streaming Fakulti Pendidikan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_T01_TB04_TC02_20231_EDU_3.4.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_T01_TB04_TC02_20232_EDU_3.4.2 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_T01_TB04_TC02_20233_EDU_1.4.3 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Untuk projek **artSMart**, penglibatan komuniti Flat Sri Melaka, Cheras masih kurang memuaskan walaupun hebahan telah dilakukan melalui edaran poster dan pertolongan Persatuan Penduduk. Untuk penambahbaikan, promosi bagi program artSMart seterusnya akan dilakukan secara meluas menerusi lawatan ke sekolah-sekolah di sekitar lokasi program.

Untuk inisiatif **iVEDIIC 2022**, penerbitan abstrak tidak dicetak pada waktu yang ditetapkan. Kebanyakan peserta tidak mengikut format yang telah diberikan walaupun garis panduan dan contoh format sudahpun disertakan di dalam borang penyertaan. Sehubungan itu, sesi formatting dijalankan bagi memastikan abstrak dapat diterbitkan pada tahun yang sama. Untuk penambahbaikan pada masa hadapan, garis panduan yang lebih spesifik akan diberikan kepada peserta melalui emel. Selain itu, jawatankuasa mendapati sumbangan untuk iVEDIIC 2022 tidak mencapai jumlah sasaran bagi pembelian pingat dan piala. Untuk penganjuran akan datang, pencarian sponsor akan dimulakan lebih awal dan lebih meluas – secara fizikal dan tidak tertumpu kepada Kawasan Lembah Klang sahaja.

IES2022 adalah penganjuran kedua setelah penganjuran IES2021 menerima sambutan luar jangkaan. Dianjurkan secara bersiri dengan penganjuran IES2023 pada Disember tahun ini, setiap penganjuran adalah manifestasi versi yang telah ditambahbaik daripada tahun sebelumnya. Penambahbaikan ini dilakukan hasil analisa data pemantauan yang dijana daripada borang maklumbalas peserta, komen peserta di YouTube Live Chat, data analitik dan tren dijana daripada YouTube, perbincangan dengan penceramah di hujung slot, input daripada rakan kolaborasi sepanjang dan di hujung program. Hasil penganalisan dikongsi dengan pihak pengurusan dan semua jawatankuasa semasa sesi post-mortem yang berlangsung pada 4 November 2022, 12 tengahari (**Rujuk Bukti 1: Gambarajah 15**). Antara penambahbaikan yang akan dilakukan untuk IES2023 adalah memanjangkan sesi perbincangan pemimpin-pemimpin pelajar untuk isu-isu yang dibincangka. Ini adalah berdasarkan permintaan peserta untuk perbincangan yang lebih berkualiti. Di samping itu, penganjur akan memastikan penganjuran seterusnya tidak diadakan pada hari Jumaat memandangkan terdapat sedikit pindaan waktu untuk slot pakar semasa IES2022 untuk rehat Jumaat yang lebih panjang.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_T01_TB04_TC03_20231_EDU_3.4.3_BUKTI 1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil tindakan penambahbaikan yang telah diambil berjaya memberikan impak dan menjayakan projek yang telah dirangka dibawah ketiga-tiga inisiatif. Ketiga-tiga inisiatif ini diyakini mampu menyediakan mahasiswa selaku bakal pendidik yang bersifat holistik dan berdaya saing. Pelaksanaan projek **SULAM** pada setiap semester menerusi kursus-kursus yang telah dikenalpasti memperlihatkan maklumbalas yang positif dari komuniti yang disasarkan. Pelaksanaan SULAM ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada usaha melahirkan pelajar IPT yang lebih cakna terhadap isu masyarakat, di samping membantu membentuk jalinan dua hala bersama pelanggan dari pelbagai sektor. Selain itu, penganjuran **iVEDIIC** yang berlangsung setiap dua tahun mengangkat usaha Fakulti Pendidikan dalam menggalakkan aktiviti kreativiti dan inovasi dalam kalangan pensyarah dan pelajar. Penyertaan peserta dari dalam dan luar negara serta sejumlah besar pendidik politeknik, kolej-kolej vokasional, kolej komuniti dan juga pelajar-pelajar sekolah membuktikan iVEDIIC berjaya menerapkan pembudayaan perkongsian pengetahuan dan inovasi dalam kalangan peserta yang terlibat.

IES2022 merupakan kali kedua penganjuran dan telah diangkat sebagai salah satu program *flagship* Fakulti Pendidikan. Kejayaan penganjuran IES untuk 2 tahun berturut-turut adalah hasil pembudayaan penganjuran program di peringkat antarabangsa oleh pemimpin pelajar Fakulti Pendidikan, di samping pembudayaan penganjuran program melalui kerjasama erat dengan rakan-rakan kolaborasi (**Rujuk Bukti 1: Gambarajah 16**). Poster ini memperlihatkan jalinan kerjasama dengan rakan kolaborasi program di peringkat antarabangsa. Persiapan penganjuran IES2023 sedang disiapsiagakan dan JK penggerak pelajar telah memulakan persiapan awal termasuklah mengadakan pertemuan tidak rasmi atas talian dengan pemimpin pelajar universiti-universiti lain. JK pelajar mampu menggerakkan perancangan dan pelaksanaan program dengan sendiri melalui bimbingan yang minimum daripada JK staf. Ini adalah cerminan pembudayaan penganjuran program di peringkat antarabangsa di kalangan pimpinan pelajar Fakulti Pendidikan.

Penggunaan kaedah pelaksanaan pembelajaran berteraskan teknologi digital terbaharu yang diterapkan dalam ketiga-tiga inisiatif juga merupakan suatu inovasi yang membantu mengangkat konsep pembelajaran tanpa sempadan kepada pelajar, pendidik, penyelidik dan komuniti. Rumusannya, hasilan daripada ketiga-tiga inisiatif yang digerakkan pada tahun 2022 telah berjaya menyumbang dan meningkatkan kadar visibiliti Fakulti Pendidikan diperingkat dalaman UiTM, kebangsaan dan antarabangsa. Pelaksanaan kesemua inisiatif ini merupakan salah satu usaha dalam membentuk mahasiswa fakulti yang berdaya saing seiring dengan visi UiTM iaitu *'to transform the university into a Globally Renowned University in 2025'*.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_T01_TB05_20231_EDU_3.5_BUKTI_1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Terdapat **TIGA (3) inisiatif utama Fakulti Pendidikan** sepanjang tahun 2022 iaitu **EDU STRIKE, EDU RICH and EDU WHIZ**. Bagi memberikan gambaran spesifik terhadap amalan pengukuran yang dilaksanakan bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran penulisan kriteria empat ini akan memberi fokus kepada **TIGA (3) projek iaitu AJUE, SULAM, dan IVEDIIC2022**.

Projek pertama, AJUE merupakan jurnal berindeks Scopus yang memberi fokus kepada pembelajaran di pusat pengajian tinggi atau pendidikan di sekolah yang mempunyai kesan secara langsung terhadap landskap pengajaran dan pembelajaran sama ada diperingkat tempatan dan antarabangsa.. Sebagai jurnal berimpak tinggi, penerbitan didalam AJUE melibatkan penghantaran artikel-artikel berkualiti tinggi hasil penyelidikan komuniti akademik khususnya penyelidik dan pendidik terutama daripada para pensyarah universiti awam serta swasta tempatan dan antarabangsa, para pelajar pasca siswazah PhD dan Master serta dari pegawai-pegawai pendidikan tinggi dan guru-guru. Pemilihan artikel AJUE yang ketat juga melibatkan kerjasama penilai-penilai dari Fakulti Pendidikan dan luar negara. Kesannya, AJUE telah dinaik taraf dari jurnal Q3 pada tahun 2021 kepada Q2 pada tahun 2022.

Projek kedua, **SULAM** yang merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan objektif pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti yang melibatkan pelajar berinteraksi dengan komuniti bagi menyelesaikan permasalahan setempat dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang mereka pelajari di bilik kuliah. Sebagai menyahut inisiatif ini, Fakulti Pendidikan aktif dalam melibatkan pelajar dan staf dalam banyak aktiviti SULAM. Projek-projek SULAM anjuran Fakulti Pendidikan digabungkan dengan kursus-kursus yang telah dikenalpasti dari setiap jabatan. Kebanyakan projek melibatkan pelajar dan staf Fakulti Pendidikan ini melibatkan sekolah dan institusi masyarakat sekitar Puncak Alam.

Projek ketiga, **IVEDIIC2022** adalah satu inisiatif untuk membudayakan inovasi iaitu elemen yang penting di dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan ahli akademik di peringkat universiti dan sekolah. Komuniti akademik tempatan dan antarabangsa dijemput menjadi peserta dan juga juri. Selain itu, beberapa universiti luar negara dan rakan industri turut menjadi penganjur bersama pertandingan inovasi yang bertemakan pengajaran dan pembelajaran. Beberapa penambahbaikan untuk menjadikan pertandingan ini lebih berprestij dan berperingkat antarabangsa turut dilakukan seperti IVEDIIC School Attack, pertandingan dalam bentuk maya dan pelawaan kepada universiti antarabangsa yang mempunyai MOU/MOA dengan Fakulti Pendidikan sebagai penganjur bersama.

Ketiga-tiga tumpuan projek tersebut telah melalui proses membuat keputusan berasaskan data (data-driven decision-making) yang merupakan amalan dan nilai utama di Fakulti Pendidikan. Bagi mencapai keberkesanan sesuatu program, sistem serta prosedur pengukuran yang berkesan serta berimpak tinggi diaplikasikan. Pengukuran yang berkesan juga merupakan indikator kepada Pendidikan Berkualiti, iaitu salah satu matlamat yang digariskan di dalam Sustainable Development Goals (SDG).

Kitaran PDCA dijadikan asas untuk fakulti memastikan P&P mencapai penambahbaikan berterusan. Dengan perancangan (Plan) melalui bengkel perancangan strategik diikuti dengan gerak kerja berwawasan, pengurusan pantas dan cekap dan mengenalpasti peluang yang datang dengan merancang perubahan yang sesuai untuk dilaksanakan. Seterusnya, pelaksanaan (Do) program atau agenda yang telah dirancang akan dilaksanakan sebaik mungkin dengan menggembeling tenaga dari pelbagai peringkat. Setiap perancangan yang dijalankan akan di pantau (Check) demi melihat keberkesanan program serta menilai kekuatan dan kekurangan yang telah berlaku. Selanjutnya tindakan penambahbaikan (Act) akan diambil samada dengan menukar strategi bagi membetulkan kesilapan atau meningkatkan

pelaksanaan akan datang bagi program yang telah berjaya.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

AJUE

Pengurusan AJUE dijalankan dengan sistematik (**Rujuk Bukti 1: Gambarajah 1**). Manakala pencapaian AJUE dapat diukur melalui kualiti penulisan yang disumbangkan penulis dan pengurusan jurnal yang terancang dan sistematik. Bagi memastikan kualiti artikel yang diterbitkan di dalam jurnal berindeks ini terjamin, penulis perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak pengurusan jurnal. (**Rujuk Bukti 1: Gambarajah 2**). Kualiti artikel yang dipaparkan juga perlulah memenuhi standard berkualiti bagi mencerminkan AJUE sebagai jurnal Q2 pada tahun 2022. Hasil daripada proses penghantaran artikel yang teliti dan rapi ini, AJUE telah dinaik taraf ke jurnal Q2 pada tahun 2022. Selain Scopus, AJUE turut diindeks antaranya oleh Asean Citation Index, MyCite, Asian Digital Library, ERIC Institute of Education Sciences, OCLC WorldCat, dan Google Scholar (**Rujuk Bukti 1: Gambarajah 3**). Perkongsian pengetahuan juga terjadi apabila panel penilai berkongsi maklumbalas terhadap artikel yang dinilai dari segi penambahbaikan yang boleh dibuat (**Rujuk Bukti 1: Gambarajah 4**). Selain itu jurnal ini juga telah menjalani inovasi dengan melantik dua orang pegawai jurnal untuk membantu pengurusan jurnal dari segi kerja pengkeranian, 'proofreading', suntingan dan 'formatting'.

IVEDIIC2022

Pencapaian program **IVEDIIC2022** boleh diukur melalui penganjuran program yang dirancang secara sistematik. IVEDIIC2022 menggunakan sistem pendaftaran dan data untuk pertandingan yang telah dibangunkan oleh Fakulti Pendidikan, manakala sistem pembayaran yuran penyertaan peserta adalah menggunakan sistem pembayaran Bendahari UiTM secara berpusat. Sistem iVEDIIC2022 telah menunjukkan prestasi yang baik dalam memudahcara pendaftaran peserta dan produk, pendaftaran yuran penyertaan, siaran pengumuman pemenang iVEDIIC2022 dan pengaksesan abstrak produk (**Rujuk Bukti 2: Gambarajah 5**). Program IVEDIIC2022 juga telah membangunkan sistem penjurian sendiri bagi memudahkan proses penjurian (**Rujuk Bukti 2: Gambarajah 6**) dan mengendalikan satu saluran telegram khas untuk para juri bagi tujuan memudahcara proses penjurian. Perkongsian pengetahuan pula berlaku apabila program ini dikongsi di laman rasmi Facebook fakulti, laman web UiTM Newshub dan sebagainya.

SULAM

Program SULAM di Fakulti Pendidikan dirancang secara sistematik, di mana kursus-kursus yang relevan dikenalpasti dari program akademik. Usai proses ini, proses perancangan diteruskan dengan pengenalpastian komuniti terlibat dan perancangan program (**Rujuk Bukti 3: Gambarajah 7**). Pencapaian program SULAM di Fakulti Pendidikan boleh diukur dengan jumlah program yang mempunyai program SULAM, di mana terdapat tiga program yang mempunyai program SULAM. Jumlah program ini melebihi sasaran yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (**Rujuk Bukti 3: Gambarajah 8**). Elemen inovasi di dalam program SULAM di Fakulti Pendidikan jelas diaplikasikan di dalam program SULAM yang dijalankan oleh pelajar bersama komuniti. Sebagai contoh, aktiviti STEM yang dijalankan bersama Wad Pediatrik Hospital Al-Sultan Abdullah di mana kesedaran tentang penjagaan kebersihan diterapkan penggunaan boneka mainan, dan permainan virtual (**Rujuk Bukti: Gambarajah 9**). Bagi tujuan penilaian program-program SULAM ini, rubrik penilaian yang standard digunakan di mana penglibatan komuniti turut diberikan pemberatan. Perkongsian pengetahuan mengenai program-program SULAM ini juga dilakukan melalui hebahan di platform-platform seperti akaun rasmi Fakulti Pendidikan di Facebook dan saluran rasmi Fakulti Pendidikan di Youtube.

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_A01_AB02_20231_EDU_4.2_BUKTI_1.pdf](#)

2. [F0034_A01_AB02_20232_EDU_4.2_BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_A01_AB02_20233_EDU_4.2_BUKTI 3.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

AJUE

Dari segi perluasan, AJUE memastikan pemilihan artikel untuk AJUE dijalankan dengan teliti. Panel penilai AJUE bukan sahaja terdiri dari warga Fakulti Pendidikan, UiTM malahan juga dari luar negara yang terdiri dari ahli komuniti akademik. Panel penilai yang dipilih bertanggungjawab menilai artikel yang berkualiti untuk diterbitkan di dalam jurnal ini. Para penilai seterusnya berkongsi maklumat hasil penilaian dengan para penulis bagi tujuan penambahbaikan (**Rujuk Bukti 1: Gambarajah 10**). Proses ini adalah proses standard yang dijalankan di peringkat antarabangsa. Bagi memastikan AJUE dinaiktaraf ke tahap Q2, AJUE juga mengambil inisiatif untuk menjalankan pelbagai kolaborasi dengan konferens-konferens dan pelbagai institusi pendidikan dalam usaha memastikan ketampakan AJUE yang secara tidak langsung menyumbang kepada indeks sitasi AJUE yang lebih tinggi. Penilaian dan pemantauan terhadap kualiti penerbitan AJUE juga dilakukan dengan memastikan penerbitan yang dihantar adalah berfokus kepada skop jurnal AJUE iaitu isu-isu pembelajaran di pusat pengajian tinggi dan pendidikan di sekolah yang mempunyai kesan langsung terhadap pendidikan tinggi negara (**Rujuk Bukti 1: Gambarajah 11**). Selain dari penulisan yang diterbitkan perlu mengikut skop dan tema jurnal, artikel yang diterima dan diterbitkan menunjukkan kepelbagaian amalan pendidikan berdasarkan situasi semasa landskap pendidikan dari negara-negara berlainan demografik. Ini menjadikan sesebuah artikel atau jurnal menampilkan keserjanaan dan mampu menarik ramai penyelidik untuk merujuk jurnal ini seterusnya membantu AJUE untuk meningkatkan sitasi indeks nya.

IVEDIIC2022

Perluasan maklumat dapat dilihat dari beberapa aspek penganjuran IVEDIIC2022. Aspek yang pertama adalah proses penilaian produk pertandingan. Proses penilaian dijalankan oleh juri-juri yang terdiri daripada ahli akademik dan ahli komuniti industri (**Rujuk Bukti 2: Gambarajah 12**). Memandangkan IVEDIIC2022 dijalankan secara virtual dan jumlah juri yang agak ramai, proses penilaian ini memerlukan satu sistem komunikasi yang berkesan untuk memastikan proses penjurian berjalan dengan lancar. Bagi tujuan ini, satu saluran Telegram telah diwujudkan untuk memastikan perkongsian pengetahuan mengenai proses penjurian dapat dilakukan. Selain daripada itu, satu sistem penjurian juga telah dibangunkan untuk memastikan para juri dapat memasukkan data penilaian mereka dengan mudah, walaupun pertandingan dijalankan secara virtual (**Rujuk bukti 2: Gambarajah 13**). Setelah selesai program, borang maklum balas diedarkan kepada para peserta untuk mendapatkan maklum balas mereka mengenai pengendalian program, yang seterusnya dibentangkan semasa mesyuarat post-mortem program IVEDIIC2022 (**Rujuk bukti 2: Gambarajah 14**).

SULAM

Program SULAM yang dijalankan adalah program yang bersifat 'top-down'. Sebagai program yang ditindikkan dengan kursus-kursus akademik, program SULAM melalui proses perluasan maklumat apabila pelajar-pelajar ini dinilai semasa program berlangsung bersama komuniti. Selain daripada penilaian kursus yang dijalankan bersama komuniti, maklum balas juga didapati daripada komuniti yang terlibat. Maklum balas daripada pihak komuniti juga direkodkan dan perkongsian maklumat ini dilakukan melalui laman web fakulti, laman Facebook rasmi fakulti dan juga akaun media sosial yang lain (**Rujuk bukti 3: Gambarajah 15**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_A01_AB03_20231_EDU_4.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_A01_AB03_20232_EDU_4.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_A01_AB03_20233_EDU_4.3 BUKTI 3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

AJUE

Jurnal AJUE merupakan jurnal berwasit yang berjaya dinaiktaraf ke tahap Scopus Q2 pada tahun 2022. Di dalam usaha untuk menaiktaraf peratusan quartile jurnal AJUE, jumlah sitasi jurnal sentiasa dipantau. Hasil penganalisaan data ini menunjukkan terdapat keperluan untuk menampakkan AJUE dengan lebih jelas di dalam komuniti penyelidik dan ahli akademik. Justeru, pihak editorial AJUE telah mengambil langkah dengan berkolaborasi dengan insitusi pengajian tinggi dan juga penganjur konferens bagi mendapatkan peluang untuk menerbitkan lebih banyak artikel di dalam AJUE. Selain daripada itu juga, penambahbaikan berlaku dari segi pengurusan jurnal di mana terdapat keperluan untuk melantik seorang pegawai jurnal untuk mengendalikan hal-ehwal pentadbiran jurnal (**Rujuk bukti 1: Gambarajah 15**). Usaha-usaha penambahbaikan ini berlaku dalam usaha untuk menjadikan AJUE lebih efektif dan efisien bagi menjamin kualiti artikel yang diterbitkan.

IVEDIIC2022

Di dalam usaha untuk memberikan nilai tambah kepada para peserta pertandingan, tiga luncheon talks telah diadakan secara virtual. Sesi luncheon talk ini dipantau melalui borang maklum balas yang diberikan kepada peserta selepas tamat sesi-sesi tersebut. Maklum balas ini seterusnya dibentangkan dan dikongsi semasa mesyuarat post-mortem IVEDIIC2022. Program IVEDIIC2022 juga dipantau melalui maklumbalas perbincangan yang diadakan pada peringkat Karnival Universiti Teknologi Mara Cawangan Selangor bagi mengenalpasti kekuatan, kelemahan dan penambahbaikan yang boleh berlaku pada penganjuran program akan datang (**Rujuk bukti 2: Gambarajah 16**).

SULAM

Program SULAM juga mengambil kira maklum balas dari semua pihak, melalui beberapa saluran berbeza. Salah satu saluran baru yang diwujudkan untuk program SULAM artSMart adalah dengan mengumpul maklum balas melalui rakaman video (**Rujuk Bukti 3: Gambarajah 17**). Dengan pengumpulan maklumbalas dengan menggunakan video, perkongsian maklum balas dapat dilakukan dengan lebih berkesan apabila video ini dikongsi di laman-laman rasmi fakulti dan sebagainya. Maklum balas ini juga turut dikaji bagi tujuan penambahbaikan dalam pengendalian program-program di masa hadapan. (**Rujuk Bukti 2: Gambarajah 18**).

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_A01_AB04_AC01_20231_EDU_4.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_A01_AB04_AC01_20232_EDU_4.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_A01_AB04_AC01_20233_EDU_4.4.1 BUKTI 3.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

AJUE

Jumlah artikel yang dihantar penulis dari empat kepelbagaian geografi adalah tinggi. Justeru, risiko untuk artikel tidak dapat dihantar ke server adalah tinggi kerana data simpanan yang besar diperlukan bagi menampung jumlah artikel yang banyak. Untuk mengatasi masalah ini pihak AJUE melanggan domain sendiri untuk laman web AJUE (**Rujuk Bukti 1: Gambarajah 19**). Sebelum ini, AJUE berkongsi domain dengan Fakulti Pendidikan dan ini menyebabkan artikel tidak dapat diterima ke dalam server kerana kekurangan data di dalam domain.

Risiko seterusnya adalah artikel yang banyak tidak dapat dinilai dalam jangkamasa yang singkat dan bebanan penilai untuk memastikan artikel memenuhi tema pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi. Bagi mengatasi risiko ini, bilangan penilai artikel telah ditingkatkan melalui pengwujudan database penilai. Penilai juga diberikan senarai tanggungjawab yang jelas yang perlu dipatuhi supaya risiko penilaian yang tidak lengkap dapat dikurangkan (**Rujuk Bukti 2: Gambarajah 20**). Bilangan editor juga telah ditambah dari dua menjadi tiga bagi mempercepatkan proses (**Rujuk bukti 2: Gambarajah 21**)

IVEDIIC2022

Terdapat banyak risiko dalam penganjuran setiap aktiviti terutamanya program yang bersifat maya dan antarabangsa. Berikut adalah maklumat mengenai jenis-jenis risiko dan perancangan yang digunapakai untuk mengatasi risiko penganjuran IVEDIIC2022 (**Rujuk bukti 3: Gambarajah 22**)

SULAM

Oleh kerana program ini melibatkan aktiviti di luar bilik kuliah dan di luar UiTM, banyak perbelanjaan perlu digunakan. Penganjuran program seperti ini tidak boleh hanya bergantung harap kepada peruntukan yang diberikan pihak fakulti. Justeru, antara risiko yang dikenalpasti adalah dari segi kekangan kewangan (**Rujuk bukti 4: Surat kelulusan program dan bajet**). Ini dapat diatasi dengan mencari tajaan dari pihak luar seperti pihak industri.

Risiko seterusnya ialah keselamatan pelajar yang dibawa keluar dari kawasan kampus. Isu ini boleh diatasi dengan memastikan bilangan pensyarah pengiring adalah cukup dan hanya kumpulan pelajar yang telah mendapat kelulusan sahaja dibenarkan keluar dari kawasan kampus. (**Rujuk bukti 4: Surat Kelulusan Program dan Surat Lantikan Pensyarah Pengiring**). Hal ini kerana, mereka akan dilindungi insurans dari pihak universiti jika mendapat kelulusan rasmi. Dengan kelulusan ini juga, pelajar boleh memohon untuk menaiki pengangkutan seperti bas UiTM. (**Rujuk bukti 4: Pengesahan Pengangkutan Pelajar**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_A01_AB04_AC02_20231_EDU_4.4.2_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_A01_AB04_AC02_20232_EDU_4.4.2_BUKTI_2.pdf](#)
3. [F0034_A01_AB04_AC02_20233_EDU_4.4.2_BUKTI_3.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

AJUE

Pihak ACRULET sentiasa proaktif dalam membuat penambahbaikan dari segi penerbitan AJUE. Hasil analisa mendapati bilangan artikel yang dihantar adalah terlampau banyak untuk ditampung oleh server. Justeru, AJUE mempunyai domain sendiri bagi mengatasi masalah ini. Kualiti artikel yang diterbitkan juga sangat dititikberatkan di mana saringan dilakukan beberapa kali di peringkat penilai bagi memastikan kualiti dan tema pengajaran dan pembelajaran dikekalkan. Oleh itu, bilangan penilai dipertingkatkan. Malah untuk tahun 2022, pihak editor turut mempunyai penilaian kedua sebelum artikel ini diluluskan untuk penerbitan.

Penambahbaikan lain adalah kekerapan penerbitan ditingkatkan kepada empat kali setahun (**Rujuk Bukti 1: Data Penerbitan AJUE**). Langkah-langkah ini terbukti berkesan kerana AJUE telah dinaik taraf dari jurnal Q3 (2021) kepada Q2 (2022) (**Rujuk bukti 1: Carta Ranking AJUE**)

iVEDIIC2022

Jabatan Pendidikan harus mempunyai bilik Operasi Khusus bagi tujuan Pertandingan iVEDIIC2022 kerana kekangan apabila Pengoperasian kaedah (I) Surat Menyurat memerlukan tindakan segera seperti (a) mesin fotokopi yang khusus untuk iVEDIIC2022 (b) Talian telefon terus bagi memudahkan perhubungan Jawatankuasa bertindak secara segera (c) Pengurangan masa pengajaran bagi Jawatankuasa iVEDIIC2022 untuk memberi fokus kepada pengurusan pertandingan kerana iVEDIIC2022 adalah PENJANA PENDAPATAN Fakulti (Julung kali dilaksanakan). Berikut (**Rujuk bukti 1: Carta Penambahbaikan iVEDIIC2022**) adalah susulan kepada penambahbaikan hasil analisa data dan pengajaran dari program yang terdahulu. Post-mortem dengan ahli jawatankuasa dan maklumbalas peserta juga diambil kira.

SULAM

Semua laporan program SULAM akan dilaporkan kepada Penyelaras SULAM, di mana sebarang isu dan risiko akan dinyatakan. Perbincangan sebarang isu yang mungkin timbul dilakukan semasa mesyuarat JAF (**Rujuk Bukti 2: Minit Mesyuarat JAF**) Langkah-langkah untuk mengatasi sebarang isu yang timbul akan dibincangkan semasa mesyuarat ini. Hebahan untuk program SULAM dilakukan dalam bentuk dokumentasi di Facebook, Laporan Akhbar dan juga kompilasi video di YouTube. (**Rujuk bukti 2: Facebook, Keratan Akhbar dan video Youtube**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_A01_AB04_AC03_20231_EDU_4.4.3.pdf](#)
2. [F0034_A01_AB04_AC03_20231_EDU_4.4.3_BUKTI_1.pdf](#)
3. [F0034_A01_AB04_AC03_20232_EDU_4.4.3_BUKTI_2.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

AJUE

Pembudayaan yang terhasil dalam menguruskan AJUE adalah dari segi etika kerja dan kualiti penulisan. Penambahbaikan dari segi etika kerja mengikut garis panduan etika yang dikeluarkan oleh Committee on Publication Ethics (COPE) (**Rujuk Bukti 1:Garis Panduan Etika AJUE**). Suasana kerja yang memerlukan penyumbang artikel, penilai dan editor bekerja mengikut garis panduan keperluan SCOPUS telah melahirkan tenaga kerja yang efisien dari segi pengurusan masa dan kualiti kerja. Senarai tanggungjawab editor, penilai dan penulis dapat dilihat dengan jelas supaya proses penerbitan artikel berjalan dengan lancar dan beretika (**Rujuk Bukti 1: Senarai Tanggungjawab Editor dan Penulis**). Peningkatan jumlah penghantaran artikel untuk diterbitkan juga menunjukkan bahawa jurnal ini menjadi pilihan ramai dan mampu menampung permintaan penyumbang artikel.

IVEDIIC2022

IVEDIIC2022 dapat membudayakan inovasi di kalangan warga universiti dan juga warga sekolah (guru dan pelajar). Sebanyak 38 penyertaan pertandingan ini adalah di kalangan warga sekolah (**Rujuk bukti 2:Senarai Peserta IVEDIIC2022**) Bagi menggalakkan lebih banyak penyertaan pihak IVEDIIC2022 telah mengambil inisiatif menjalankan tiga siri luncheon talk untuk memberi panduan kepada peserta seperti guru sekolah yang mungkin kurang berpengalaman dalam menyertai pertandingan inovasi. (**Rujuk bukti 2: Poster Luncheon Talk**). Selain itu, satu program School Attack telah dilakukan di mana promosi dibawa ke sekolah-sekolah sekitar lembah Klang dan juga email dihantar ke rakan antarabangsa fakulti pendidikan (mereka yang mempunyai MOU/MOA dengan Fakulti Pendidikan) (**Rujuk bukti 2: Penganjuran School Attack dan Email Rakan Kolaborasi ke Rakan MOU/MOA**).

SULAM

Program SULAM dapat membudayakan pengalaman pembelajaran di luar kelas, mendekati dan memahami pelbagai lapisan masyarakat. Budaya memberi dan berbakti kepada masyarakat juga dapat diterapkan. Ini adalah nilai-nilai yang sangat penting dalam melahirkan bakal guru yang dapat berbakti kepada segenap lapisan masyarakat. Justeru, bagi membuka lebih banyak peluang kepada aktiviti SULAM kepada pelajar, pengenalpastian kursus-kursus lain yang boleh disulamkan telah dilakukan. Kursus seperti EDU620 Education and Society untuk 2023. (**Rujuk bukti 3: Course Information EDU620: School and Society**)

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_A01_AB05_20231_EDU_4.5.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sumber manusia menjadi tunjang dan asas kepada perjalanan dan pembangunan sesebuah organisasi. Bagi memastikan kelestarian kewujudan Fakulti Pendidikan, aspek yang diberi penekanan berkaitan pengajaran dan pembelajaran berkaitan kriteria tumpuan kepada sumber manusia adalah kepada mencapai perkembangan profesionalisme staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar. Dalam aspek perancangan (PLAN), perancangan strategi dijalankan untuk menentukan penglibatan staf dalam aktiviti dari tiga aspek iaitu **EDUstrike (contohnya MoA dan MoU)**, **EDUwhiz (contohnya research and publication and AJUE)**, and **EDUrich (contohnya MOOC)**. Selain itu, perancangan pengambilan staf diperhatikan berdasarkan unjuran fakulti. Di samping itu, pemberian loading dan perancangan MyATP dijadikan panduan untuk perancangan aktiviti. Dalam aspek pelaksanaan (DO), sasaran **EDUstrike**, **EDUwhiz** dan **EDUrich** dicapai melalui inisiatif menjalankan bengkel, kursus peningkatan profesional, dan penerbitan. Dalam aspek penambahbaikan (CHECK), usaha peningkatan profesionalisme dan kualiti berkaitan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di Fakulti Pendidikan diutamakan. Di samping itu, pihak Fakulti juga mengambil kira tahap kepuasan staf dan pelajar terhadap pengurusan fakulti yang dianggap penting dalam memastikan inisiatif – inisiatif berkaitan dapat direalisasikan. Sebagai salah satu daripada asas rujukan dalam memandu pelaksanaan perkembangan profesionalisme staf, petunjuk prestasi (PI) di dalam perancangan strategik fakulti telah menjadi asas rujukan utama. Usaha dalam mencapai PI juga mengambil kira kesetaraan beban tugas pensyarah, kesesuaian gred pensyarah terlibat dan latihan yang diterima oleh pensyarah sepanjang tahun 2022. Fakulti Pendidikan telah menjalankan kaedah yang ideal dan mengikut garis panduan UiTM dalam mengoptimumkan sumber manusia. Sehingga tahun 2022, Fakulti Pendidikan mempunyai seramai 101 orang staf akademik dan sokongan. Daripada jumlah ini seramai 23 orang pensyarah program TESL telah dipinjamkan ke Pusat Asasi Dengkil bagi mengendalikan program Asasi TESL di sana. Fakulti Pendidikan sentiasa cakna dan mengambil langkah pelaksanaan untuk memastikan sumber manusia adalah terkini dan dapat menampung keperluan supaya unjuran pengambilan pelajar dapat disasarkan. Oleh itu, bilangan staf akademik dan sokongan sentiasa dalam pemantauan, iaitu bilangan kekosongan telah diberikan perhatian.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Pendidikan menggunakan kaedah sumber dalaman sebagai kaedah utama dalam mengoptimumkan pengurusan sumber manusia khususnya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Ini membawa maksud menggunakan sumber staf sedia ada bagi menggerakkan proses di Fakulti. PTJ sentiasa menggalakkan penglibatan para pensyarah dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dinamik agar mereka memperoleh penilaian yang baik pada masa akan datang (**RUJUK BUKTI 1: Jadual 1 & 2**) Setiap tahun, setiap pensyarah akan dinilai dengan 2 sumber utama iaitu, (1) **Data Amanah Tugas Pensyarah Mengikut Semester (ATP) (Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 1 & 2)**. Setiap penglibatan pensyarah dalam aktiviti berkaitan pengajaran dan pembelajaran akan direkodkan dan menyumbang kepada markah mereka dalam LNPT. Justeru itu, sebagai perancangan awal, fakulti membuat penetapan dan perancangan dalam Perancangan Strategik Fakulti Tahun 2022 yang bakal melibatkan kesemua warga. Penglibatan staf akademik amat ketara dalam **tiga aktiviti** iaitu (1) **penyediaan bahan Massive Open Online Course (MOOC)**, (2) **Inisiatif Jaringan dan Kerjasama Strategik**, dan (3) **penerbitan berimpak**. Ini membuka ruang kepada semua staf bagi meningkatkan markah LNPT tahunan mereka.

Bagi penyediaan bahan **Massive Open Online Course (MOOC)** pada tahun 2022, sebagai langkah proaktif, pihak Fakulti telah meletakkan sasaran bilangan bahan MOOC yang bakal dihasilkan. Terdapat beberapa masalah dalam penyediaan bahan MOOC telah dikenal pasti antaranya kegagalan bahan disiapkan pada waktu yang ditetapkan dan kebolehpasaran bahan MOOC di tahap global. Sebagai langkah inovatif, pihak Fakulti telah melantik seorang penyelaras MOOC bagi memantau dan merangka strategi bagi meningkatkan kualiti MOOC yang dihasilkan. Impak daripada itu, Fakulti Pendidikan telah berjaya menghasilkan sebanyak 15 MOOC (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3**) secara kumulatifnya bagi Tahun 2022. Selain itu, bagi kod kursus SCE550, Fakulti Pendidikan juga telah mendapat bekerjasama daripada pensyarah luar negara iaitu Indonesia (Universitas Negeri Semarang) dan Filipina (The University of the Immaculate Conception) (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 4**). Ini memberikan gambaran betapa komitednya warga Fakulti Pendidikan dalam pemhasilan perkongsian pengetahuan secara inovatif di dalam talian.

Selain itu, bagi projek inisiatif jaringan dan kerjasama strategik, Fakulti Pendidikan juga telah menunjukkan inisiatif inovatif untuk melantik penyelaras bagi melancarkan proses **MoA/MoU**. Hasil daripada refleksi yang dijalankan, pihak Fakulti telah mengambil tempoh yang terlalu panjang bagi proses perjanjian kerjasama strategik dimeterai. Selain itu, aktiviti-aktiviti susulan juga didapati kurang dijalankan diantara pihak Fakulti dan rakan strategik. Oleh demikian, sebagai langkah inovatif bagi mengatasi isu ini, pihak Fakulti telah melantik ketua projek bagi setiap kerjasama strategik yang dimeterai (**Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 5**). Perancangan inovatif ini juga disokong dalam mesyuarat di mana penyelaras melaporkan perkembangan dalam mesyuarat (**Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 6**).

Pihak Fakulti juga mendapati terdapat isu berkaitan penerbitan ilmiah dikalangan pensyarah. Oleh demikian, dalam memastikan profesionalisme para pensyarah dapat dipertingkatkan, pihak Fakulti telah mengambil inisiatif dengan membuat **penganjuran bengkel penerbitan (Rujuk BUKTI 5: Gambarajah 7)**. Penganjuran inisiatif memberikan kesan yang positif apabila Fakulti Pendidikan telah berjaya mencapai sasaran penerbitan khususnya dalam penerbitan berindeks seperti **Scopus, ERA dan WOS (Rujuk BUKTI 5: Gambarajah 8)**. Kesarjanaan ini juga semakin terserlah apabila Fakulti Pendidikan berjaya menaik taraf kedudukan Asian Journal of University Education iaitu Jurnal terbitan Fakulti Pendidikan daripada terstatus scopus Q3 kepada Q2.

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_S01_SB02_20231_EDU_5.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_S01_SB02_20232_EDU_5.2 BUKTI 2.pdf](#)

3. [F0034_S01_SB02_20233_EDU_5.2_BUKTI_3.pdf](#)
4. [F0034_S01_SB02_20234_EDU_5.2_BUKTI_4.pdf](#)
5. [F0034_S01_SB02_20235_EDU_5.2_BUKTI_5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

1. Pakar rujuk

Kesemua program inisiatif sentiasa diperluaskan kepada kesemua warga Fakulti Pendidikan. Dari segi **pengajaran dan pembelajaran (PdP)** berlandaskan teknologi, pengajaran melalui **MOOC** adalah bertepatan dengan Pendidikan 4.0. Dari segi peluasan sumber manusia, Fakulti Pendidikan memberi peluang kepada semua jabatan untuk memodifikasikan kursus yang sedia ada dengan menyelaraskannya kepada kehendak MOOC (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 9**). Pada awalnya, pihak ICEPS hanya menawarkan 4 modul MOOC kepada pihak Fakulti. Impak peluasan hebahan yang efektif, 5 modul MOOC berjaya disiapkan (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 10**). Staf akademik yang berminat terus mendaftar, mengikuti taklimat pembangunan dan penilaian modul MOOC (**BUKTI 1: Gambarajah 11**). Seterusnya, semua pembangun mula menyediakan modul MOOC dengan pelbagai kaedah pendekatan PdP (**BUKTI 1: Gambarajah 12**). Peluasan sumber manusia dapat dilihat apabila pihak Fakulti telah mengoptimalkan kepakaran staf akademik daripada jabatan yang berbeza seperti Pendidikan, Matematik, Sains, Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan (EDM), Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) (**BUKTI 1: Gambarajah 13**).

2. Kolaborasi di Peringkat Antarabangsa

Selain itu, implikasi daripada jaringan kerjasama strategik yang dijalinan, kepakaran warga Fakulti Pendidikan semakin mendapat pengiktirafan khususnya peringkat antarabangsa. Sebuah webinar antarabangsa yang bertajuk “Enhancing Creativity in the New Normal Classroom Environment: Challenges and Prospects” telah berjaya diadakan dengan kerjasama Tamil Nadu Teachers Education University (TNTEU) dan Loyola College of Education, India (**BUKTI 2: Gambarajah 14**). Peluasan sumber manusia dapat dilihat apabila ia melibatkan perkongsian kepakaran dalam dua bidang yang berbeza. Pertama, Dekan fakulti, Prof. Madya Dr. Sharipah Ruzaina Syed Aris (dari Jabatan Sains) telah berjaya memberikan perkongsian pelaksanaan SULAM sebagai kaedah PdP yang berlandaskan khidmat masyarakat. Manakala, Dr. Geethanjali Narayanan (dari Jabatan TESL) telah memberikan perkongsian berkaitan bidang Penilaian Pendidikan (**BUKTI 2: Gambarajah 15**). Aktiviti-aktiviti ini merupakan hasil kejayaan perjanjian Kerjasama rakan strategik. Hasil daripada perbincangan yang dijalankan, setiap pakar bidang membuat perkongsian berdasarkan kepakaran bidang yang berbeza. Selain itu, setiap sesi webinar yang dijalankan, seorang moderator telah dipilih di kalangan staf akademik di ketiga-tiga institusi yang berkolaborasi. Ini merupakan antara bukti peluasan Kerjasama dan kepakaran warga Fakulti Pendidikan diperingkat global dan berjaya mempromosikan UiTM amnya.

3. Pencapaian Utama di Peringkat Antarabangsa

Penerbitan di kalangan staf akademik Fakulti Pendidikan telah meningkat pada tahun 2022. Terdapat 135 artikel yang berjaya diterbitkan di Scopus, WoS dan ERA dan 36 artikel dalam MyCite (**BUKTI 3: Gambarajah 16**). Pencapaian ini merupakan hasil usaha warga Fakulti daripada jabatan-jabatan yang berbeza. Jurnal terbitan Fakulti Pendidikan iaitu **Asian Journal of University Education (AJUE)** juga semakin mendapat perhatian para sarjana dari dalam dan luar negara. Implikasi kenaikan tahap dari Q3 kepada Q2 dalam Scopus telah menarik lebih ramai penulis dari seluruh pelusuk dunia (**BUKTI 3: Gambarajah 17**). Bagi memastikan peluasan jurnal terus mendapat pengiktirafan dan penyebaran ilmu yang lebih meluas, pihak Fakulti telah melibatkan pakar-pakar daripada dalam dan luar negara sebagai penilai artikel untuk AJUE (**BUKTI 3: Gambarajah 18**). Para ahli akademik Fakulti Pendidikan turut memainkan peranan dalam pengurusan AJUE yang diketuai oleh dekan sebagai penasihat dan beberapa pensyarah daripada jabatan yang berbeza dalam fakulti sebagai Chief Editors, Managing Editor dan Editor (**BUKTI 3: Gambarajah 19**).

GENERAL BUKTI.

1. [F0034_S01_SB03_20231_EDU_5.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_S01_SB03_20232_EDU_5.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_S01_SB03_20233_EDU_5.3 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan (CHECK) dijalankan dengan rapi untuk memastikan Fakulti Pendidikan sentiasa bergerak ke hadapan. Kesemua inisiatif yang telah dirancang (**Inisiatif Jaringan dan Kerjasama Strategik (MoU dan MoA), MOOC dan penerbitan berimpak**) sentiasa dipantau secara berkala oleh Koordinator Perancangan Strategik bagi memastikan segala kesemua PI dapat dicapai seperti mana yang ditetapkan. Bagi memantapkan lagi pemantauan bagi aktiviti **Inisiatif Jaringan dan Kerjasama Strategik (MoU dan MoA)**, Fakulti telah melantik penyelaras bagi setiap MoU/MoA yang dijalankan. Segala pemantauan ini dibuat dan untuk dibincangkan dalam mesyuarat kajisemula pengurusan (**BUKTI 1: Gambarajah 20**).

Di samping itu, perancangan dalam penerbitan dikalangan pensyarah sentiasa dipantau dari semasa ke semasa bagi meningkatkan profesionalisme dan kepakaran mereka dalam pengajaran dan pembelajaran dari masa ke semasa. Pemantauan ini dilaporkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan (**BUKTI 2: Gambarajah 21**). Impak daripada pemantauan ini, peratusan penerbitan Fakulti Pendidikan berjaya dipertingkatkan dan terdapat staf yang berjaya menerbitkan dalam penerbitan berindeks tinggi.

Selain itu, aspek kelangsungan aktiviti daripada perjanjian MoU/MoA juga dipantau. Ini bagi memastikan MoU/MoA yang dimeterai berupaya meningkatkan profesionalisma para pensyarah. Justeru itu, beberapa aktiviti kelangsungan berjaya dijalankan. Dr Geethanjali Narayanan telah dilantik sebagai Visiting Scholar di TNTEU, India, yang telah berkongsi maklumat berkenaan Jaminan Kualiti Pendidikan di Malaysia bertumpukan kepada penyelidikan di peringkat pasca siswazah (**BUKTI 3: Gambarajah 22**).

Bengkel Geran dan penulisan yang berkala dijalankan (Projek MARK) bagi memantau perjalanan geran dan penyediaan penerbitan para pensyarah (**BUKTI 4: Gambarajah 23**). Pemantauan penerbitan juga dijalankan melalui mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan. Bilangan penerbitan disemak dan langkah-langkah cadangan dicadangkan bagi pembangunan dan peningkatan bilangan penerbitan (**Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 24**).

Selain itu, bagi memastikan kandungan pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan kepada para pelajar berstandard antarabangsa khususnya peringkat pascasiswazah, pihak Fakulti juga telah mengadakan forum dalam kelas pasca siswazah bersama pakar dari Lourdes College, Philippines dan wakil dari Asian Association of Language Assessment (AALA), profesor dari University of Delhi (**BUKTI 5: Gambarajah 25**). Pemantauan MOOC juga dijalankan dengan kerap untuk memastikan semua modul berjaya disiapkan (**Rujuk BUKTI 5: Gambarajah 26**). Hasil daripada pemantauan yang rapi dan berkesan ini, kesemua PI yang telah ditetapkan dalam aktiviti-aktiviti ini berjaya dicapai dengan jayanya.

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_S01_SB04_SC01_20231_EDU_5.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_S01_SB04_SC01_20232_EDU_5.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_S01_SB04_SC01_20233_EDU_5.4.1 BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0034_S01_SB04_SC01_20234_EDU_5.4.1 BUKTI 4.pdf](#)
5. [F0034_S01_SB04_SC01_20235_EDU_5.4.1 BUKTI 5.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko sentiasa diambil kira dalam perancangan aktiviti-aktiviti di Fakulti Pendidikan sewaktu Perancangan Strategik Fakulti. Aspek ini diambil kira bagi memastikan PI yang ditetapkan berjaya dicapai dan kesemua staf bersama dalam menjayakan aktiviti-aktiviti ini. Pihak Fakulti telah berusaha mengenalpasti risiko yang berkemungkinan pelan sokongan. Bagi penyediaan bahan modul **MOOC** sebagai rujukan dan pengajaran utama para pelajar, antara risiko yang dikenal pasti adalah kegagalan menyiapkan kandungan modul MOOC pada masa yang ditetapkan. Bagi mengatasi risiko ini, pihak Fakulti sentiasa menggalakkan para pensyarah untuk mengikuti latihan anjuran Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) berkaitan pengajaran dan pembelajaran sebagai langkah penyediaan bahan MOOC. Selain itu, bagi memastikan PI ini berjaya dicapai, pihak Fakulti telah melantik seorang penyelaras bagi memantau perjalanan modul MOOC yang dihasilkan berjalan lancar (**BUKTI 1**). Peranan penyelaras ini adalah sebagai pakar rujuk dan menyelia persiapan para pensyarah yang menyediakan modul MOOC ini.

Kedua, risiko bagi aktiviti inisiatif Jaringan dan Kerjasama Strategik adalah tempoh masa yang diambil terlalu lama bagi **MoU/MoA** dapat dimeterai dan tiada aktiviti susulan selepas perjanjian (**BUKTI 2**). Oleh demikian, bagi mengatasi risiko ini, pihak Fakulti telah melantik seorang penyelaras bagi setiap MoU/MoA yang ditandatangani (**BUKTI 3**). Tugas penyelaras adalah memastikan perjanjian dapat dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan dan memantau perjalanan aktiviti susulan. Implikasinya, Fakulti telah berjaya melebihi PI yang ditetapkan bagi aktiviti ini.

Bagi aktiviti **penerbitan berimpak**, risiko yang dikenal pasti dalam mencapai PI ini adalah kurangnya inisiatif pensyarah dalam melakukan penerbitan. Berdasarkan data 2021, pihak Fakulti tidak mencapai jumlah penerbitan bahan ilmiah yang disasarkan. Oleh itu, bagi mengatasi risiko ini berulang Kembali, pihak Fakulti telah menjalankan Bengkel Penulisan sebagai inisiatif utama bagi mencapai PI ini. Impak daripada inisiatif ini membuahkan hasil apabila Fakulti Pendidikan berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan (**BUKTI 4**). Risiko tambahan dalam aktiviti ini adalah beban penyunting bagi jurnal AJUE di bawah penerbitan Fakulti daripada artikel-artikel yang dihantar. Implikasi daripada risiko ini para pensyarah yang terlibat akan terganggu dalam penyediaan pengajaran mereka kerana terlalu sibuk dengan aktiviti penyuntingan. Oleh itu, sebagai langkah pencegahan, pihak Fakulti telah menambah jumlah penilai dan melibatkan sarjana-sarjana luar sama ada dari dalam mahu pun luar negara (<https://ajue.uitm.edu.my/editorial-board/>).

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_S01_SB04_SC02_20231_EDU_5.4.2_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_S01_SB04_SC02_20232_EDU_5.4.2_BUKTI_2.pdf](#)
3. [F0034_S01_SB04_SC02_20233_EDU_5.4.2_BUKTI_3.pdf](#)
4. [F0034_S01_SB04_SC02_20234_EDU_5.4.2_BUKTI_4.pdf](#)
- 5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan yang diambil bagi memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif. bagaimana pengurusan bertindak kepada maklumbalas sumber manusia untuk penambahbaikan. Adalah penting bagi Fakulti Pendidikan dalam mengurus sumber manusia dengan baik bagi memastikan tahap kompetensi dan profesionalisme mereka dapat ditambahbaik. (**BUKTI 1: Jadual 1**) menunjukkan inisiatif yang telah dilakukan pihak pentadbiran Fakulti Pendidikan dalam usaha menambahbaik dan mencegah isu-isu yang timbul. Melalui inisiatif – inisiatif yang telah dijalankan, pihak fakulti amat positif bahawa usaha ini akan terus menyumbang kepada pembangunan fakulti dalam memacu pengajaran dan pembelajaran yang efektif dalam menghasilkan tenaga pengajar yang mampan.

Memandangkan pembangun **MOOC** adalah dari kalangan pensyarah dengan beban kerja yang agak berat, risiko seperti di atas telah dikaji semula dan beberapa tindakan telah diambil. Penyelaras e-Pembelajaran sering membuat pengumuman melalui WhatsApp, mengingatkan pembangun-pembangun MOOC tahap perkembangan (**Bukti 2: Gambarajah 31**) . Selain daripada itu, penyelaras juga melaporkan kepada Timbalan Dekan Akademik secara tidak formal dan secara formal Inisiatif ini telah memudahkan para pembangun MOOC untuk menyiapkan modul dalam masa yang ditetapkan. Selain daripada MOOC, inisiatif jaringan dan kerjasama strategik juga dikaji semula pada tahun 2022 dan salah satu tindakan yang diambil ialah memastikan seorang pensyarah yang bertanggungjawab untuk semua aktiviti yang dijalankan bersama rakan kolaborasi.

Tindakan seterusnya ialah sesi perkongsian di **bengkel perancangan strategik** diadakan untuk mengetahui perkembangan aktiviti dengan rakan kolaborasi. Sebagai penambahbaikan, satu kumpulan WhatsApp diwujudkan untuk membuat hebahan serta berkongsi maklumat mengenai aktiviti inisiatif jaringan dan kerjasama strategik (**Bukti 3: Gambarajah 32**).

Untuk memastikan pencapaian PI ahli akademik fakulti dari segi penerbitan, pantauan melalui perbincangan di Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan bil 1/2022. Untuk menjayakan proses penerbitan ini, persekitaran kerja yang kondusif diambil kira. Satu bengkel penulisan telah diadakan di sebuah hotel di Port Dickson (**BUKTI 4: Gambarajah 33**). Hasil daripada bengkel-bengkel penulisan, bilangan penerbitan telah bertambah dari 20 artikel pada tahun 2021 kepada 135 artikel pada tahun 2022. Melalui inisiatif – inisiatif yang telah dijalankan, pihak fakulti amat positif bahawa usaha ini akan terus menyumbang kepada pembangunan fakulti dalam memacu pengajaran dan pembelajaran yang efektif dalam menghasilkan tenaga pengajar yang mampan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_S01_SB04_SC03_20231_EDU_5.4.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_S01_SB04_SC03_20232_EDU_5.4.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_S01_SB04_SC03_20233_EDU_5.4.3 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Amalan pembudayaan dan inovasi yang terhasil daripada tindakan yang dinyatakan di atas membolehkan Fakulti Pendidikan bertindak proaktif dalam memberikan jalan penyelesaian yang pantas. Amalan terbaik dalam pelaksanaan dan perjalanan **MOOC** telah disemarakkan melalui pertandingan dan penghargaan hasil MOOC (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 34**). MOOC yang berkualiti dapat melancarkan perjalanan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.

Di samping itu, amalan terbaik juga ditunjukkan dalam inisiatif Jaringan dan **Kerjasama Strategik dalam MoA / MoU**. Penghargaan. (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 35**) dan perkongsian amalan ini telah diumumkan melalui laman web Fakulti Pendidikan.

Dari segi penerbitan, amalan terbaik telah ditunjukkan untuk menaikkan status journal fakulti iaitu **AJUE**. Dalam hal ini, setiap penulis perlu memetik bahan daripada sekurang-kurangnya 3 artikel yang telah diterbitkan dalam isu AJUE yang lepas. Pada tahun sebelum 2022, hanya 2 artikel perlu dirujuk. Perkara sebegini telah menaikkan lagi tahap Scopus sehingga mencapai Q2 pada tahun 2022 (**Rujuk BUKTI 3: Carta 1**).

Tambahan pula, Fakulti Pendidikan sentiasa prihatin atas sumber yang terkini melalui langkah-langkah proaktif. Contohnya, memandangkan para pensyarah memerlukan masa untuk memastikan segala perjalanan tugas hakiki dapat dijalan dengan lancar, beberapa sistem telah dicipta. Antara sistem yang dapat memudahkan pengurusan dan perjalanan temuduga pengambilan pelajar, sistem temuduga telah dicipta (**Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 36**).

Untuk menghargai kesemua amalan terbaik di atas, **Majlis Apresiasi Staf Fakulti Pendidikan** telah diadakan pada 28 Jan 2023 (**BUKTI 5: Gambarajah 37**). Hampir keseluruhan warga fakulti telah mendapat pengiktirafan dalam pelbagai kategori. Ini telah menaikkan lagi tahap kepuasan hati warga fakulti. Selain itu, setiap usaha staf yang membantu kesemua PI yang disasarkan, mereka sentiasa dihargai dengan pemberian surat atau sijil penghargaan. Penghargaan ini dapat digunakan dalam penilaian prestasi diperingkat UiTM.

Pada keseluruhan, sumber manusia di Fakulti Pendidikan sangat berharga kerana terdapat ramai pakar rujuk di pelbagai bidang. Pada hakikatnya, setiap aktiviti yang dilakukan pasti ada risikonya. Namun sedemikian, langkah pencegahan yang diambil pasti dapat mengelakkan segala kemungkinan dan mengurangkan risiko tersebut.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_S01_SB05_20231_EDU_5.5 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_S01_SB05_20232_EDU_5.5 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_S01_SB05_20233_EDU_5.5 BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0034_S01_SB05_20234_EDU_5.5 BUKTI 4.pdf](#)
5. [F0034_S01_SB05_20235_EDU_5.5 BUKTI 5.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pendidikan dalam usahanya bagi menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, efisien dan sistematik, senantiasa menekankan kepentingan menjalankan semua aktiviti menurut prosedur operasi yang ditetapkan. Dalam mengukur keberkesanan setiap inisiatif yang dilaksanakan khususnya di dalam bidang Pengajaran dan Pembelajaran, Fakulti Pendidikan menggunakan kriteria kecemerlangan prestasi Baldrige yang berupaya untuk menganalisis prestasi sesebuah organisasi secara holistic.

Kerangka ini yang digunakan secara meluas oleh pelbagai organisasi untuk meningkatkan prestasi keseluruhan adalah berlandaskan pendekatan ADLI (Approach, Deployment, Learning & Integration). Ini bagi mengekalkan kawalan kualiti ke atas proses pengajaran dan pembelajaran yang menjadi “core-business” atau perkhidmatan teras Fakulti Pendidikan.

Dalam membincangkan skop Operasi, terdapat 3 inisiatif yang telah dipilih iaitu sistem **penulisan akademik, MOOC dan iVEDIIC 2022**. (Plan). Pengoperasian inisiatif ini dilaksanakan dari peringkat Fakulti hingga ke peringkat Antarabangsa. Pelaksanaan ketiga-tiga inisiatif ini melibatkan pelajar, pensyarah Fakulti Pendidikan, Komuniti dan Organisasi luar yang terlibat secara langsung atau tidak di dalam bidang Pendidikan (Do). Inisiatif **sistem penulisan akademik** yang merangkumi kepelbagaian keperluan pelajar dan memantau aktiviti penulisan dan penyeliaan akademik pelajar. Penyelaras yang dilantik akan memastikan kesinambungan usaha penulisan pelajar dan penyeliaan dari penyelia dapat disejajarkan mengikut masa yang telah ditetapkan. **Inisiatif MOOC** pula dilaksanakan untuk pengayaan kursus/modul Fakulti Pendidikan yang berdaftar dan dimuatnaik di ICEPS. Perlantikan penyelaras dan pembangun modul di peringkat Fakulti Pendidikan memastikan pelaksanaan di teruskan. Manakala inisiatif **iVEDIIC 2022** telah melibatkan pelbagai Komuniti Pendidikan merangkumi sekolah menengah, universiti awam dan swasta serta organisasi yang berkaitan dalam bidang Pendidikan.

Bagi memastikan inisiatif ini berlangsung dengan jayanya, aktiviti pemantauan (Check) di laksanakan. Lantikan penyelaras yang berkomited dan berdedikasi amat penting bagi memastikan setiap inisiatif penulisan akademik dan MOOC dilaksanakan dengan sempurna. Lantikan di peringkat Fakulti Pendidikan dapat memberikan komitmen dan komunikasi yang berkesan dengan pelanggan yang berurusan, khususnya pelajar bagi menyiapkan penulisan ilmiah dan pensyarah yang terlibat dengan membangunkan MOOC bagi Fakulti Pendidikan. Bagi memastikan aktiviti pemantauan (Check) berjalan dengan efektif, satu sistem yang berintegrasi telah dibina (untuk penulisan akademik dan MOOC) untuk memastikan semua peserta dan AJK sedar (aware) dan terlibat (engaged) dengan lebih berkesan bagi menyempurnakan objektif yang telah dibincangkan di peringkat perancangan (Plan). Seterusnya, aktiviti pemantauan bagi iVEDIIC 2022 diketuai oleh Pengarah dan AJK yang dilantik bagi memantau pertandingan inovasi yang melibatkan penglibatan peserta dari pelbagai peringkat pengajaran.

Bagi tindakan penambahbaikan (Act), ketiga-tiga inisiatif ini diukur berdasarkan risiko dan cadangan yang dianalisa dan penambahbaikan dibina dari cadangan yang telah diberikan. Penambahbaikan untuk kesemua inisiatif ini bermula dari maklumbalas peserta yang menyertai, penyelaras dan ahli jawatankuasa yang ditubuhkan. Penambahbaikan yang dicadangkan oleh semua peserta dan organisasi ini membuktikan adanya komunikasi yang baik serta sistem pengoperasian yang bertanggungjawab (accountable) serta diperkasakan (empowerment) untuk program mendatang.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Pendidikan mendukung Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) yang menjadi tunggak pengurusan dan pentadbiran keseluruhan UiTM. Pendekatan (Approach) yang digunakan oleh Fakulti Pendidikan bagi tiga inisiatif terpilih boleh dilihat di gambarajah yang disertakan (**Rujuk Bukti 1: Gambarajah 1**). Kesemua inisiatif yang terpilih ini tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran ('teaching and learning') serta pendekatan penambahbaikan berterusan ('continuous improvement') menjadi tunjang utama yang dititi beratkan, di mana pihak pengurusan Fakulti Pendidikan sentiasa melihat kepada proses kerja keseluruhan dalam pengendalian projek dan inisiatif yang dilaksanakan bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran berkualiti kepada pelajar (**Rujuk Bukti 2: Carta 1**). Carta tersebut menerangkan tentang '*continuous improvement*'. Ini amat berkait rapat dengan model kitaran empat langkah **PDCA-Plan-Do Check-Act** yang tertumpu kepada usaha meningkatkan proses atau perkhidmatan, dan untuk menyelesaikan permasalahan di dalam sesebuah organisasi. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui 3 inisiatif yang merangkumi element PDCA.

Inisiatif 1 iaitu sistem penulisan akademik adalah bertujuan untuk membimbing pelajar tahun akhir menyiapkan penulisan akademik mengikut kalender akademik yang ditetapkan oleh HEA UiTM. Usaha ini dimulai dengan kertas kerja pembangunan laman sesawang (**Rujuk Bukti 3: Gambarajah 2,3 & 4**) oleh penyelaras dengan kerjasama pentadbir akademik seperti Ketua Program, Ketua Pusat Pengajian, dan Timbalan Dekan Akademik. Pembangunan sistem penulisan ini memudahkan pelajar mencapai objektif yang termaktub dalam kertas kerja yang dibentangkan di peringkat Fakulti Pendidikan dan sistem ini dapat membantu pelajar menyempurnakan penulisan mereka seperti yang telah ditetapkan dalam takwim akademik.

Begitu juga dengan pendekatan **MOOC** yang mana ia bermula dengan inisiatif HEA UiTM untuk menggalakkan pembelajaran atas talian. HEA Fakulti Pendidikan menetapkan kursus untuk didaftarkan dan dimuatnaik dalam sistem. Kertas kerja juga telah dimantapkan oleh penyelaras yang dilantik oleh Fakulti untuk menyelaras perluasan, pemantauan dan penambahbaikan bagi kursus yang dikenalpasti untuk dibangunkan dalam platform MOOC UiTM. Promosi usaha MOOC ini diwar-warkan kepada semua pensyarah yang berminat untuk memuatnaik kursus / bidang kepakaran mereka. Kursus yang berpotensi akan mendapat persetujuan dari HEA Fakulti Pendidikan dan pensyarah perlu membuat pendaftaran kursus/bidang kepakaran yang telah mereka pilih. Usaha ini dilihat dapat membantu pensyarah membina nilai tambah profesionalisme kepakaran bidang mereka. Kursus dan bidang yang terpilih dapat dimuatnaik dan dipromosikan kepada semua pelajar dan staf akademik sama ada dalam negara atau luar negara. Terkini, Fakulti Pendidikan mempunyai 11 kursus yang telah dimuatnaik dalam data ICEPS. (**Rujuk Bukti 4: Gambarajah 5,6 & 7**).

Inisiatif **iVEDIIC 2022** adalah untuk membudayakan aktiviti inovasi selari dengan objektif 17 Sustainable Development Goals oleh UNESCO. Jalinan usahasama melibatkan institusi pendidikan, industri dan organisasi luar negara perlu diperluaskan bagi memastikan kelestarian budaya inovasi kekal relevan dan signifikan kepada semua lapisan masyarakat yang merangkumi golongan pelajar, pendidik, penyelidik dan komuniti setempat. (**Rujuk Bukti 5: Gambarajah 8**). Selaras dengan pembudayaan *innovation* and *invention* dalam bidang pembelajaran dan pengajaran, pertandingan inovasi seperti iVEDIIC 2022 ini menyediakan ruang dan peluang kepada komuniti pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan inovasi dan ciptaan mengikut keperluan bidang masing-masing. Pengendalian pertandingan atas talian ini dalam iVEDIIC 2022 adalah lebih efisien kerana ia dapat dicapai oleh pelbagai golongan yang disasarkan dalam inisiatif ini.

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_O01_OB02_20231_EDU_6.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_O01_OB02_20232_EDU_6.2 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_O01_OB02_20233_EDU_6.2 BUKTI 3.pdf](#)

4. [F0034_O01_OB02_20234_EDU_6.2 BUKTI 4.pdf](#)
5. [F0034_O01_OB02_20235_EDU_6.2 BUKTI 5.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Di bab ini 3 inisiatif yang dipilih akan memperincikan aspek perluasan untuk setiap satunya. Aspek perluasan atau 'deployment' ini menerangkan proses tindakan memperkenalkan segala bentuk penyelesaian/platform atau perkhidmatan terkini kepada organisasi secara terkoordinasi. Konsep perluasan ini selalunya dinilai berdasarkan sejauhmana pendekatan sesuatu inisiatif itu digunapakai di sesebuah organisasi. Perluasan yang berjaya bukan sahaja bergantung kepada perancangan dan pemantauan yang baik, malah lebih kepada penyaluran maklumat melalui komunikasi yang efisien kepada seluruh warga Fakulti Pendidikan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa komunikasi sistematik adalah bahagian yang amat penting dalam pengurusan/penyebaran informasi di dalam sesebuah organisasi agar dapat memastikan pemahaman secara konsisten berkaitan inisiatif yang yang dilaksanakan dalam kalangan warga Fakulti Pendidikan.

Bagi tujuan perluasan untuk **sistem penulisan akademik**, pelbagai inisiatif telah digerakkan. Sebagai contoh, maklumat sistem dalam penulisan akademik ini disebarluaskan di kumpulan Whatsapp Staf Akademik Fakulti Pendidikan, kumpulan Whatsapp Pelajar Semester 8, dan juga di laman sesawang Penulisan Akademik. Kepelbagaian platform sebar luar ini adalah bertujuan untuk meminimumkan kelemahan atau jurang di antara setiap individu dalam jabatan. Dengan cara ini pengurusan Hal ehwal Akademik dan Penyelaras dapat memastikan maklumat dan sasaran yang terkini dapat sampai kepada setiap warga Fakulti yang merangkumi pentadbiran, pensyarah dan para pelajar. Juga, para penyelia dapat memaklumkan kepada para pelajar yang mendaftar semester 8 untuk semak tahap perkembangan penulisan akademik mereka. **(Rujuk Bukti 1: Gambarajah 9)**

Inisiatif **MOOC** yang telah diluncurkan pada tahun 2020, bermula dengan 3 kursus teras peringkat Fakulti Pendidikan. Keberhasilan dari 3 kursus yang awal ini telah dijadikan satu penanda aras bagi pembangunan kursus yang bakal diteruskan pada tahun 2021 dan 2022. Perluasan mengenai usaha pembangunan MOOC untuk kursus yang berpotensi disebarluaskan di peringkat Fakulti Pendidikan mencakupi setiap Jabatan yang berminat **(Rujuk Bukti 2: Gambarajah 10)**. Galakan yang berterusan dalam aplikasi Whatsapp turut dilakukan bagi memastikan setiap keperluan dan kekangan di pihak pensyarah diambil peduli. Memandangkan terdapat banyak aktiviti – aktiviti lain yang berlangsung secara serentak, penyelaras MOOC Fakulti Pendidikan telah merancang beberapa siri bengkel untuk memastikan perancangan pembangunan ini dapat di usaiakan mengikut garis masa yang telah ditetapkan. Tatakelola yang baik ini dapat diterjemahkan dengan hasil yang bakal dibincangkan di bab seterusnya.

Perluasan untuk inisiatif **iVEDIIC 2022** telah dilaksanakan dalam pelbagai platform. Bermula dari pembinaan laman sesawang untuk pemudahcara kepada bakal peserta di seluruh dunia mendapatkan lebih banyak informasi dan kriteria pertandingan. Laman sesawang ini juga turut mempromosikan aktiviti selari dengan keperluan pertandingan yang bakal dijalankan. Perluasan yang menggunakan platform atas talian seperti Facebook dan Radio U.FM turut membuka lebih banyak ruang; merentas masa untuk semua bakal peserta yang berminat untuk menyertai pertandingan ini. Salah satu nilai tambah yang berkesan dalam pertandingan iVEDIIC 2022 adalah dengan tiga (3) sesi selari bersama tokoh inovasi dari universiti ternama untuk berkongsi pengetahuan dan informasi bersama para peserta **(Rujuk Bukti 3: Gambarajah 11)**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_O01_OB03_20231_EDU_6.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_O01_OB03_20232_EDU_6.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_O01_OB03_20233_EDU_6.3 BUKTI 3.pdf](#)

4.

5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Fasa endemik telah membuka banyak ruang untuk penambahbaikan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, Fakulti Pendidikan terus cerakinkan usaha untuk memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran kekal dalam standard sebelum pandemic COVID-19. Usaha pemantauan untuk tiga inisiatif yang dinyatakan merangkumi usaha yang melibatkan komunikasi yang efisien antara staf, pelajar, serta komuniti berteraskan teknologi Pendidikan seperti laman sesawang, mesyuarat atas talian, maklumbalas dan platform komunikasi digital.

Pemantauan untuk sistem penulisan akademik ini dilaksanakan oleh penyelaras penulisan ilmiah. Dengan pembinaan sistem dalam penulisan akademik ini, penyelaras dapat melihat dan memantau proses awal pendaftaran pelajar untuk penulisan akademik. Proses awal pendaftaran adalah amat penting bagi pelajar dan penyelia bagi memastikan setiap penilaian dan perkembangan dan penulisan dapat direkodkan dengan baik dan melancarkan urusan pendaftaran kursus, penyeliaan dan penilaian akhir kelak (**Rujuk Bukti 1: Gambarajah 12 & 13**)

Bagi inisiatif **MOOC** pemantauan dalam Mtrack yang berterusan, komitmen dan bilangan bengkel untuk 'support system' dari penyelaras MOOC di Fakulti Pendidikan, kesemua kursus iaitu 5 yang telah didaftarkan telah berjaya dimuatnaik dalam sistem pembangunan MOOC UiTM di akhir tahun 2022 (**Rujuk Bukti 2: Gambarajah 14**). Ini menunjukkan komunikasi yang efektif, pemantauan untuk 'support system' dan seliaan dari penyelaras telah membuahkan hasil yang baik bagi pembangunan MOOC di peringkat Fakulti Pendidikan dan ini menyumbang kepada peningkatan pakar bidang dan kelestarian kursus pengajian di Fakulti Pendidikan terkandung dalam sistem pengajaran dan pembelajaran UiTM umumnya turut disertai oleh pakar dari universiti antarabangsa.

Penganjuran **iVEDIIC 2022** yang telah berlangsung dengan jayanya dimulakan dengan penubuhan AJK yang mantap dan setiap dari AJK yang dilantik mempunyai kemampuan dengan setiap tugas dari Pengarah Program dan AJK dicerakinkan dalam pembinaan kertas kerja. Sebanyak 22 AJK telah dilantik dan diberikan tugas sepanjang program berlangsung. Dengan penganjuran pertandingan inovasi yang berskala besar ini, seharusnya pemantauan proses adalah sangat penting. Oleh yang demikian, pemantauan secara mesyuarat berkala dan penyebaran maklumat antara AJK dan peserta adalah penting bagi memastikan setiap keperluan inisiatif ini dipenuhi. (**Rujuk Bukti 3: Gambarajah 15 & 16**)

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_O01_OB04_OC01_20231_EDU_6.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_O01_OB04_OC01_20232_EDU_6.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_O01_OB04_OC01_20233_EDU_6.4.1 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Sistem pengurusan kualiti ISO mentakrifkan risiko sebagai perkara yang berlaku diluar jangkaan. Sesebuah organisasi akan berfungsi dengan lebih cekap sekiranya organisasi itu melakukan pengurusan risiko yang berkesan. Bahagian ini akan bertumpu kepada pengenalanpastian risiko bagi bidang tiga inisiatif yang telah dibincangkan seperti di atas iaitu sistem **penulisan akademik, MOOC dan iVEDIIC 2022**.

Risiko kegagalan menyiapkan penulisan akademik memberi implikasi kepada Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PGNK) pelajar dan memberi kesan kepada tahun bergraduasi pelajar; termasuklah dengan jumlah pelajar yang tidak bergraduasi (GOT) di Fakulti Pendidikan. Menyedari kepentingan GOT dan keperluan strategi intervensi yang berkesan, proses analisa dan kaji semula dijalankan dalam mengenalpasti risiko dan pelan tindakan. Berdasarkan laporan peperiksaan beberapa tahun, analisa yang dilakukan dinyatakan pada jadual berikut (**Rujuk Bukti 1: Jadual 1**).

Inisiatif **MOOC** adalah satu aspirasi UiTM yang disambut oleh Fakulti Pendidikan. Terdapat risiko pembangun tidak dapat menyiapkan MOOC mengikut masa yang ditetapkan. Penambahan tugas untuk membangunkan kursus/modul MOOC bersama dengan tugas hakiki, kursus professionalism seperti bengkel di ILD atau atas talian adalah satu cabaran kepada penyelaras dan pembangun kursus/modul. Bagi meminimakan risiko ini berlaku, penyelaras sentiasa mengemaskini kemajuan para pembangun, melihat dan memantau kekangan oleh para pembangun modul dengan beberapa siri bengkel yang telah berlangsung. Ini secara tidak langsung dan sedia membantu pembangun yang memerlukan sokongan sama ada dari aspek penyelenggaraan and memuatnaik kursus/modul ke dalam sistem (**Rujuk Bukti 2: Gambarajah 17**).

Antara risiko dalam inisiatif **iVEDIIC 2022** adalah memastikan setiap kategori pertandingan mempunyai peserta; membuat persediaan dan bahan inovasi yang mantap serta penjurian yang berkeelayakan. Untuk memastikan inisiatif iVEDIIC 2022 ini mencapai target yang telah ditetapkan, beberapa siri promosi dijalankan di setiap platform seperti promosi bersemuka, email kepada peserta/organisasi yang berpotensi di dalam dan luar negara serta menggunakan platform penyiaran radio UiTM untuk hebahan. Risiko kekurangan peserta ini diminimakan sehingga ke hari pertandingan seramai 250 peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Latihan turut diberikan kepada para juri bagi setiap kategori dengan membangunkan satu sistem penjurian atas talian bagi memungkinkn semua risiko penjurian seperti 'biasness' dan 'favoritism' dapat dikekang (**Rujuk Bukti 3: Gambarajah 18 & 19**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_O01_OB04_OC02_20231_EDU_6.4.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_O01_OB04_OC02_20232_EDU_6.4.2 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_O01_OB04_OC02_20233_EDU_6.4.2 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dalam pengurusan sistem kualiti yang berkesan, setelah risiko dikenalpasti, tumpuan operasi perlu dianalisa untuk tujuan penambahbaikan. Hasil penganalisaan di ambil maklum dan tindakan dilakukan dengan efisien dan efektif dan dikongsi dengan semua jabatan dalam Fakulti Pendidikan bagi memastikan penghasilan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti.

Sehingga 2022, **sistem penulisan akademik** telah pun dijalankan secara konsisten dan pelbagai penambahbaikan dibuat. Setiap fasa yang dibina ini adalah berdasarkan risiko yang telah dikenalpasti dari jadual yang dipamerkan dalam segmen yang sebelum ini. Setiap fasa pembangunan sistem, beberapa aspek di dalam pelaksanaan sistem ini diperkemas dan ditambahbaik; yang mana tujuan utama untuk memastikan pelajar dapat diselia dengan sebaiknya dan penyelia dapat menyempurnakan aktiviti penyeliaan dengan efektif. Ini akan memastikan tumpuan pengajaran dan pembelajaran dalam aspek penyelia dijalankan dengan berkesan. Jadual di bawah menyenaraikan penambahbaikan yang dilakukan. **(Rujuk Bukti 1: Gambarajah 20)**

Apabila risiko bagi pembangunan kursus/modul **MOOC** dikenalpasti, penyelaras sentiasa bersikap proaktif dalam mengemaskini kemajuan para pembangun dan sedia membantu pembangun yang menghadapi masalah. Selain dari usaha membuat pemantauan berterusan, penyelaras turut memberi jadual tahunan kepada para pembangun modul untuk tujuan pemantauan dan perhatian pembangun modul. Bengkel yang berterusan bagi penambahbaikan modul yang telah dibangunkan turut dijalankan bagi memastikan setiap kursus/modul yang telah didaftar, berjaya di muatnaik dalam sistem MOOC UiTM. Kekekapan komunikasi antara pembangun dan penyelaras serta perhatian dari pihak pengurusan akademik Fakulti dalam memberikan ruang untuk melaksana tugas meninggikan kebarangkalian pembangun menyiapkan kursus/modul yang dipilih. **(Rujuk Bukti 2: Gambarajah 21 & 22)**

Dalam memastikan penganjuran **iVEDIIC 2022** ini mencapai kualiti yang terbaik, beberapa tindakan telah dilaksanakan. Sebagai contoh, untuk menambah bilangan peserta, banyak promosi di laksanakan termasuklah 'roadshow' di sekolah sekitar Selangor. Promosi turut di luncurkan kepada peserta berpotensi di luar negara bersama email jemputan. Disamping itu, pihak AJK turut merakam sesi bengkel dari pakar-pakar inovasi yang terpilih untuk berkongsi ilmu, pengalaman dan kriteria penjurian. Ini membolehkan peserta membuat penambahbaikan untuk penghasilan projek inovasi yang berkualiti tinggi. Semasa pertandingan dan upacara penutup berlangsung, para AJK turut memberikan maklumbalas secara atas talian bagi memastikan setiap persoalan dari para peserta dan pengunjug diselia sebaiknya. **(Rujuk Bukti 3: Gambarajah 23, 24 & 25)**

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_O01_OB04_OC03_20231_EDU_6.4.3_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_O01_OB04_OC03_20232_EDU_6.4.3_BUKTI_2.pdf](#)
3. [F0034_O01_OB04_OC03_20233_EDU_6.4.3_BUKTI_3.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kelestarian operasi dalam tumpuan pengajaran dan pembelajaran dimanfaatkan untuk pembangunan akademik yang berkualiti di UiTM dan kemenjadian Guru Malaysia di tahap yang lebih baik berdasarkan keperluan semasa dan masa depan negara. Melalui 3 teras inisiatif yang telah dipilih, tahap pembudayaan 3 inisiatif diperhalusi seperti berikut.

Sistem Penulisan Akademik merupakan inovasi yang sangat signifikan dalam memastikan pelajar tamat dalam tempoh pengajian yang ditetapkan. Walaupun budaya penyelidikan di kalangan para pelajar disemai secara eksplisit sejak semester 5 melalui kursus Research Methodology for Educational Sciences (EDU545), pelajar perlu dibimbing secara berterusan dan dibantu daripada aspek penulisan ilmiah yang lebih 'personal' dan 'engaged'. Sistem yang dibangunkan ini berupaya untuk melestarian usaha tiga komuniti iaitu pelajar, penyelia dan pentadbir akademik Fakulti Pendidikan. Sistem ini juga dapat membudayakan komunikasi yang efektif antara 3 komuniti ini dengan penyeliaan yang lebih teratur dan 'engaged' dengan keperluan pelajar dan penyelia. **(Rujuk Bukti 1: Gambarajah 26)**

Manakala dengan pelaksanaan **MOOC** yang diintegrasikan antara kepakaran bidang dan teknologi terkini membolehkan para staf akademik dan pelajar belajar secara mobiliti dan mengikut masa lapang mereka. Staf akademik turut berjaya mengaplikasikan bidang kepakaran untuk membangunkan Kurusu/modul MOOC yang berkualiti bagi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Keberhasilan modul MOOC yang telah berjaya dimuatnaik memberikan nilai tambah kepada staf akademik dan dipanjangkan kepada para pelajar untuk menggunakan modul yang telah dibangunkan tersebut. Ini adalah satu proses yang panjang serta kedua – dua telah menunjukkan komitmen yang terbaik dan usaha ini membuahkan kesinambungan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. **(Rujuk Bukti 2: Gambarajah 27, 28 & 29)**

Inisiatif **iVEDIIC 2022** wajar dijadikan satu pertandingan inovasi telah dijayakan dengan sempurna. Bagi memastikan kesinambungan usaha dan pembudayaan inovasi dalam pembelajaran dan pengajaran ini berterusan untuk rujukan semua peserta dan juga penambakan untuk semua projek inovasi, 3 siri webinar turut diarkib di @EDUTubefacultyofeducationuitm. Usaha membudayakan inovasi bersama pakar dan 'inventor' merupakan satu wadah yang berkesan untuk semua komuniti pendidikan supaya penghasilan invention & innovation adalah lebih berkualiti. Hasil dari usaha iVEDIIC 2022 ini dapat diterjemahkan dengan penyertaan yang memberangsangkan dari pelbagai sektor seperti institusi tempatan seperti sekolah, agensi kerajaan dan swasta, Institut Pengajian Awam dan Swasta serta Institusi Luar Negara seperti IUC. Integrasi 'community of learning' yang telah dicapai oleh iVEDIIC 2022 berjaya membuka lebih banyak ruang komunikasi antara sektor ini bagi mewujudkan dan menzahirkan lebih banyak inovasi 'transdisciplinary'. Usaha ini bukan sahaja berjaya dimanfaatkan oleh para peserta, Fakulti Pendidikan dan UiTM secara amnya juga turut mendapat penghormatan dalam kalangan institusi dalam dan luar negara atas penganjuran yang berkualiti ini. **(Rujuk Bukti 3: Gambarajah 30 & 31)**

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_O01_OB05_20231_EDU_6.5 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_O01_OB05_20232_EDU_6.5 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_O01_OB05_20233_EDU_6.5 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil dari Tumpuan Kepada Pelanggan

Inisiatif Service Learning Malaysia-University for Society (SULAM) Fakulti Pendidikan

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelaporan hasil utama 1 memfokuskan kepada inisiatif **Service Learning Malaysia-University for Society (SULAM) Fakulti Pendidikan** bagi semester yang berkait dengan tahun pelaporan AKNC iaitu semester Mac-Ogos 2022 dan semester Oktober2022-Februari2023. Hasil utama 1 ini telah diperincikan di dalam kriteria 3: Tumpuan Kepada Pelanggan.

Pembuktian untuk hasil utama 1 menunjukkan pelaporan menepati kualiti aras tertinggi rubrik untuk semua kriteria yang dinilai. Sebanyak 12 projek SULAM telah berjaya dilaksanakan semasa tahun pelaporan (semester Mac-Ogos2022 dan Okt2022-Feb2023) melalui 4 kursus SULAM. Data perbandingan menunjukkan peningkatan jumlah projek yang dilaksanakan. Analisa tanda aras pula meletakkan projek SULAM Fakulti Pendidikan sebagai yang terbaik di dalam kelasnya dengan capaian komuniti yang lebih luas, program-program yang bersifat multi bidang, serta rangkaian kolaborasi sebagai langkah strategik penganjuran, Projek-projek yang dianjurkan juga mempunyai impak yang signifikan merentasi empat segmen komuniti iaitu komuniti sekolah, komuniti bersasar, orang awam dan antarabangsa.

Projek SULAM adalah di bawah tanggungjawab Pejabat Timbalan Dekan Akademik Fakulti Pendidikan, dilaksanakan oleh pelajar melalui Resource Persons (RP) masing-masing, melalui penyelarasan oleh Penyelaras SULAM. Aspek **perancangan (plan)** diperkasakan oleh RPs melalui penerangan kursus dan objektif SULAM yang jelas, disusuli dengan penyediaan kertas kerja oleh pelajar. Tanggungjawab RPs adalah dalam memastikan projek yang diusulkan sejajar dengan objektif pembelajaran dan aspek kandungan/kemahiran yang diukur. Kertas kerja yang dihantar perlu melalui proses semakan dan mematuhi garis panduan pelaksanaan projek sebelum diberi kelulusan. Antara aspek yang ditekankan di dalam garis panduan ini adalah nilai dan kualiti pembelajaran, tahap keterlibatan komuniti, kebolehlaksanaan (*feasibility*), kewajaran pembiayaan kewangan, pengurusan risiko termasuklah aspek kebajikan dan keselamatan pelajar.

Proses **pelaksanaan (do)** adalah pelbagai dan bergantung kepada jenis, format serta durasi projek yang dilaksanakan. Sebagai contoh, projek SULAM berformatkan 2-jam webinar seperti 'Webinar Kesedaran Minda: Pengurusan Emosi dan Kesihatan Mental, adalah kurang kompleks berbanding 'artSmart siri 7: EDU Smart City Smart Community' yang berlangsung selama 5 bulan dengan pelbagai aktiviti di dalamnya. Walaupun pelaksanaan yang berbeza-bebeza, para pelajar diingatkan untuk sentiasa menjaga nama baik fakulti dan UiTM, menyantuni komuniti dengan ilmu dan adab yang sewajarnya, dan memastikan projek yang dihasilkan mencapai objektif yang telah digariskan dengan piawaian kualiti yang dapat dibanggakan.

Pemantauan dan penambahbaikan adalah norma penganjuran program di Fakulti Pendidikan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan SULAM agak berbeza atas keperluan akademik yang perlu dipenuhi. **Pemantauan (check)** projek SULAM dijalankan sepanjang pelaksanaan projek dan di hujung projek. Pelaksanaan projek dipantau melalui pemerhatian dan maklumbalas berterusan oleh RP dan Penyelaras SULAM. Pemantauan di hujung projek melibatkan input daripada komuniti melalui mekanisme pemantauan standard iaitu borang maklumbalas. Untuk projek-projek yang dilaksanakan melalui pelantar komunikasi dan media sosial, seperti YouTube dan Facebook, laporan analitik turut digunakan sebagai data pemantauan. **Tindakan penambahbaikan (act)** diambil secara berterusan sebagai langkah penambahbaikan projek-projek SULAM yang seterusnya. Hasil penambahbaikan ini dapat dilihat melalui penambahbaikan daripada aspek format, kandungan dan skala projek serta segmen komuniti

yang disasarkan untuk sesuatu projek. Sebagai contoh, projek-projek SULAM berasaskan webinar untuk tahun 2022 turut disusuli dengan format turun padang supaya interaksi dengan komuniti sasaran dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Ini merupakan penambahbaikan yang dilakukan berdasarkan analisa maklumbalas projek-projek tahun sebelumnya.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0034_HB02_20231_EDU_HASIL 1_7.1.2.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0034_HB03_20232_EDU_HASIL 1_7.1.3.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0034_HB04_20233_EDU_HASIL 1_7.1.4.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0034_HB05_20234_EDU_HASIL 1_7.1.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

The International Education Symposium (IES) adalah sebuah program cetusan idea Fakulti Pendidikan pada tahun 2021 bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman kepada Mahasiswa Fakulti Pendidikan mengurus serta melibatkan diri dalam program bertahap antarabangsa. Simposium ini dianjurkan dengan usahasama bersama rakan kolaborasi University of The Immaculate Conception, Philippines (UIC).

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelaporan ini adalah berteraskan hasil dalam bidang fokus utama iaitu komuniti. Komuniti merupakan masyarakat setempat, pelajar, pendidik dan penyelidik pelbagai peringkat pengajian dalam konteks industri pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Fakulti Pendidikan telah berjaya mencapai hasil yang memberangsangkan dalam penumpuan kepada komuniti pelajar. Komuniti ini adalah tunggak kepada keberhasilan pengajaran dan pembelajaran kerana pendedahan dalam aspek penganjuran dan penglibatan di dalam program bertaraf antarabangsa akan menghasilkan kemenjadian pelajar. Program yang membentuk sahsiah diri dan meningkatkan keperibadian pelajar boleh dicapai dengan penganjuran aktiviti yang dipimpin oleh pelajar. Pendedahan kepada dunia global yang melibatkan interaksi dengan masyarakat akademik dari pelbagai negara pasti dapat melonjakkan daya pemikiran dan sikap keterbukaan dalam kalangan pelajar.

Berlandaskan aspirasi yang tersebut diatas, maka Fakulti Pendidikan telah merangka dan menjalankan projek International Education Symposium 2022 (IES2022) (Gambarah 1). Simposium ini adalah berbentuk persidangan atau perjumpaan pelajar Fakulti Pendidikan dengan rakan-rakan dari negara lain dengan melibatkan para pemimpin pelajar sebagai tunggak utama mengurus serta menjayakan program. (IES 2022) juga dapat menerapkan elemen pemikiran global dalam diri peserta ke arah kemajuan kerjaya dalam pelbagai bidang sekaligus memupuk kemahiran kepimpinan dalam kalangan pemimpin pelajar yang mengambil bahagian.

Objektif penganjuran simposium ini adalah untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran pemimpin pelajar universiti antarabangsa dengan memberikan pendedahan dalam aspek budaya serantau, sistem pendidikan, dan aspek ekologi. Disamping itu, simposium ini juga bertujuan untuk menggalakkan penglibatan aktif peserta dalam perbincangan peringkat antarabangsa, berkolaborasi dalam pelbagai aspek, dan meningkatkan persefahaman sesama peserta. Diharapkan program ini dapat menerapkan elemen pemikiran global dalam diri peserta ke arah kemajuan kerjaya dalam pelbagai bidang. Selain itu, program ini diharap akan memupuk kemahiran kepimpinan dalam kalangan pemimpin pelajar Universiti negara Asean.

Penganjuran IES 2022 melibatkan University of the Immaculate Conception (UIC), Filipina. Simposium ini bertemakan "Teacher's Excellence: Leading in Crisis and Transforming the Future through Values Embodiment" dan telah berlangsung pada 21 dan 22 Oktober 2022. IES 2022 berfungsi untuk memberikan pendedahan terhadap perspektif global dalam melonjakkan kecemerlangan pendidik memandangkan para pelajar adalah bakal pendidik yang harus kehadapan apabila berlaku krisis tanpa mengurangkan nilai-nilai murni dalam diri mereka. pendidikan, sambil mengasah kemahiran kepimpinan para pelajar. Program ini juga bertujuan untuk memperkayakan pemahaman latar belakang dan budaya peserta dari pelbagai negara. Simposium ini telah berjaya menarik pemimpin mahasiswa dari 10 negara Asia Tenggara, termasuk Brunei, Cambodia, Indonesia, Myanmar, Pakistan, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam, dan Malaysia. IES 2022 dijalankan melalui Platform Zoom dan distrimkan secara langsung melalui YouTube.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0034_HB02_20231_EDU_HASIL 2_7.2.2.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0034_HB03_20232_EDU_HASIL 2_7.2.3.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0034_HB04_20233_EDU_HASIL 2_7.2.4.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0034_HB05_20234_EDU_HASIL 2_7.2.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Tumpuan Kepada Sumber Manusia

Asian Journal of University Education (AJUE)

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelaporan hasil utama 3 memfokuskan kepada **Asian Journal of University Education (AJUE)** selaras dengan kriteria 5: Tumpuan Kepada Sumber Manusia. Berperanan sebagai jurnal berindeks Scopus Q2, AJUE telah menyemarakkan amalan pemindahan pengetahuan, mengetengahkan bidang dan kepakaran staf akademik Fakulti Pendidikan, di samping pengendalian jurnal yang diuruskan oleh staf akademik Fakulti Pendidikan sendiri. Peluang penerbitan di dalam AJUE dan pengalaman pengendalian jurnal berimpak tinggi tentunya meningkatkan keserjanaan dan kaliber para pensyarah Fakulti Pendidikan dengan kesan langsung ke atas peningkatan kualiti proses pengajaran dan pemudahcaraan.

AJUE dkendalikan oleh Asian Center for Research on University Learning and Teaching (ACRULet), salah sebuah Pusat Kecemerlangan di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Selain Scopus, AJUE turut diindeks oleh Asean Citation Index (ACI), MyCite, Asian Digital Library, ERIC Institute of Education Sciences, OCLC WorldCat, EuroPub dan Google Scholar. AJUE adalah jurnal berindeks Q4 pada 2020 dan kini Q2; dan mensasarkan indeks Q1 untuk 2024. Pencapaian yang diraih takkan dapat digenggam tanpa perancangan dan pelaksanaan yang berlandaskan efisyensi pengurusan sumber manusia, serta pemantauan dan tindakan penambahbaikan yang berlandaskan evidens.

Perancangan dan pelaksanaan AJUE berkait rapat dengan piawaian penerbitan yang ditetapkan oleh Scopus. **Perancangan (plan)** sumber manusia bagi tahun 2022 didasari keperluan meningkatkan kecekapan pengurusan artikel untuk proses semakan, penerimaan, perwasitan, dan penerbitan pada kadar empat kali setahun. Antara perancangan yang dilakukan termasuklah lantikan pegawai jurnal serta penggunaan sistem pemprosesan artikel yang sistematik. Hasilnya, **pelaksanaan (do)** sistem pengurusan artikel AJUE ditambahbaik secara signifikan melalui pelantikan seorang pegawai jurnal dan penggunaan sistem ScholarOne. ScholarOne ialah perisian pengurusan artikel yang meningkatkan kecekapan pengurusan dan aliran kerja proses penerbitan.

Tadbir urus tangkas adalah faktor yang dititikberatkan dalam memenuhi piawaian penerbitan yang digariskan oleh Scopus, serta kecekapan pengurusan AJUE melibatkan staf akademik dengan tugas hakiki yang pelbagai. Justeru, aspek pemantauan berterusan dalam mengenalpasti risiko serta inisiatif penambahbaikan adalah norma di dalam pengurusan AJUE. **Pemantauan (check)** yang dilaksanakan menunjukkan terdapat risiko artikel berkualiti tidak dapat dinilai di dalam tempoh yang ditetapkan. Pemantauan jumlah sitasi jurnal juga perlu dilakukan dalam usaha untuk menaiktaraf peratusan *quartile* AJUE. Hasil penganalisan data menunjukkan keperluan visibiliti AJUE di kalangan komuniti penyelidik dan ahli akademik. Sehubungan dengan itu, lantikan pegawai jurnal dan pengoperasian artikel dengan ScholarOne merupakan **tindakan penambahbaikan (act)** yang telah diambil di dalam meningkatkan kecekapan sumber dan sumber manusia. Untuk peningkatan jumlah sitasi pula, kolaborasi strategik dengan institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara serta penganjur-penganjur persidangan dijalinan untuk melonjakkan ketampakan AJUE.

Perbincangan dan pembuktian untuk fokus hasil utama 3 ini menunjukkan AJUE menepati kualiti aras tertinggi rubrik hasil untuk semua kriteria yang dinilai. Budaya penambahbaikan berterusan ACRULeT berjaya meletakkan AJUE sebagai jurnal yang terbaik di dalam kelasnya. Ini dapat dilihat menerusi peningkatan indeks AJUE yang bermula dengan hanya terindeks di Google Scholar pada awal penerbitannya kepada *database* terkemuka yang lain

sehinggalah kini diindeks oleh Scopus pada aras Q2. Impak serta faedah AJUE sebagai jurnal yang terbaik di dalam kelasnya bukan sahaja mendukung keserjanaan komuniti-komuniti akademik dan industri yang disasarkan, malah meningkatkan visibiliti dan mengetengahkan kualiti warga Fakulti Pendidikan dan UiTM di peringkat global.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0034_HB02_20231_EDU_HASIL 3_7.3.2.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0034_HB03_20232_EDU_HASIL 3_7.3.3.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0034_HB04_20233_EDU_HASIL 3_7.3.4.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0034_HB05_20234_EDU_HASIL 3_7.3.5.pdf](#)